



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4663]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (19hb Disember, 1972) [Ruangan 4690]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1973 (19hb Disember, 1972) [Ruangan 4690]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4735]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 20hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HASHIM (Rembau-Tampin).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupa).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

„ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

„ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N., (Sungei Siput).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., P.D.K., D.I.M.P. (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

Yang Berhormat PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Sungai Patani).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN HAJI MUHAMAD YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL

1. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam keadaan-keadaan apakah Malaysia sudi menimbang mengadakan perhubungan diplomatik dengan Israel.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Malaysia tidak akan menimbang untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel yang senantiasa enggan melaksanakan ketetapan-ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu khasnya yang berkaitan dengan gantirugi dan "repatriation" orang-orang pelarian Palestine, soal Jerusalem, dan soal mengenai wilayah Arab yang diduduki oleh Israel akibat daripada Perang tahun 1967.

PEMBUNUHAN KOMANDU ARAB— PENDIRIAN MALAYSIA

2. Tuan Jonathan Narwin anak Jiggong (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Luar Negeri apakah pendirian resmi Malaysia di atas pembunuhan yang dilakukan oleh komando-komando Arab ke atas ahli-ahli sukan dan pegawai-pegawai Israel di Munich.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, pendirian Malaysia adalah jelas. Malaysia senantiasa menentang segala perbuatan-perbuatan kegagasan.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di Pertua, adakah pendirian Kerajaan sama dengan pengebom-pengebom napalm yang dijatuhkan di Vietnam?

Perdana Menteri: Ini soalan lain, Tuan Yang di Pertua.

PENCEN KAKITANGAN KERAJAAN— KAJIAN

3. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada Jawatankuasa dilantik untuk mengulangkaji pencen kakitangan

Kerajaan telah menyiapkan kerjanya kerana beliau telah memberi jaminan di Dewan ini di Mesyuarat yang lalu bahawa Jawatankuasa ini akan menyiapkan pendapatnya pada akhir bulan Disember 1972, jika ya, sila nyatakan keputusannya dan bilakah syor-syornya akan dilaksanakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, pengkajian ke atas kedudukan pencen pesara-pesara Malaysia Barat belum lagi selesai oleh kerana ada beberapa Persatuan-persatuan Pesara-pesara telah meminta supaya tempoh untuk mereka mengemukakan memorandum kepada Jawatankuasa dilanjutkan sehingga 15hb Disember, 1972. Memandangkan pentingnya pengkajian ini dibuat dengan selengkap-lengkapnya supaya semua pendapat-pendapat daripada golongan yang terlibat diperolehi, Kerajaan berpendapat bahawa perkara ini mestilah dilaksanakan dengan baik dan teratur. Oleh yang demikian, Kerajaan berasa bertanggungjawab supaya rayuan-rayuan yang dibuat oleh Persatuan-persatuan Pesara-pesara meminta supaya dilanjutkan tarikh dikemukakan memorandum mereka kepada Jawatankuasa itu hendaklah dipertimbangkan dan diberi layanan yang berpatutan. Syor-syor Jawatankuasa itu akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja lapurannya siap dan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

KAPAL-KAPAL MELALUI SELAT MELAKA

4. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan selanjutnya atas soal mengharamkan kapal-kapal yang beratnya lebih daripada 200,000 tan belayar melalui Selat Melaka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, soal menghadkan berat kapal yang melalui Selat Melaka kepada 200,000 tan ialah suatu perkara yang masih dikaji oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura, sebagaimana yang disetujui di Mesyuarat Tiga Negara mengenai keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan Singapura yang diadakan dalam bulan Julai, 1972 ini di Jakarta.

PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI

5. Tuan Chan Fu King minta Perdana Menteri menyatakan samada ia sedar atau tidak yang ramai pengundi-pengundi yang

layak mengundi tidak dapat mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi-pengundi semasa gerakan pendaftaran pengundi-pengundi dijalankan oleh kerana pejabat-pejabat Kerajaan tidak mempunyai borang-borang pendaftaran dan nyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan yang pengundi-pengundi yang layak tidak hilang hak mereka untuk mengundi oleh kerana kekurangan kecekapan Suruhanjaya Pilihanraya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya telah membekalkan borang-borang pendaftaran dengan secukupnya kepada semua pejabat-pejabat pendaftaran diseluruh negara bagi tempuh pendaftaran yang dimaksudkan itu. Soal tidak ada borang untuk mendaftar sebagai pengundi tidaklah boleh dijadikan alasan terhadap kegagalan pihak-pihak yang berkenaan bagi mendaftarkan diri.

Suruhanjaya Pilihanraya telah mengambil beberapa langkah bagi menjamin bahawa setiap rakyat yang berkecukupan akan didaftarkan sebagai pengundi. Pengumuman-pengumuman mengenai gerakan mendaftar ini telah dibuat melalui saluran-saluran sebaran am; pusat-pusat pendaftaran telah banyak disediakan; pegawai-pegawai yang telah dilantik sebagai Pegawai-pegawai Pendaftar telah bertambah jika dibandingkan pada tahun-tahun yang lepas. Memandangkan kepada bertambahnya bilangan pengundi-pengundi yang telah berdaftar, Kerajaan berpuashati bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugas-tugasnya dengan adil dan cekap.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa oleh kerana kekurangan kecekapan Suruhanjaya Pilihanraya, ramai pengundi-pengundi yang telah didaftarkan dalam buku-buku pendaftaran hilang hak mengundi kerana nama-namanya telah dipotong sungguhpun mereka tidak berpindah rumah; contohnya di Bandar Melaka, kawasan saya, pada tahun 1971 nama 4,000 orang telah dipotong sungguhpun kebanyakan mereka tidak pindah, dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata apa tindakan telah diambil untuk memulihkan nama-nama mereka kepada buku-buku pendaftaran pemilih?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kalau ada perkara yang semacam itu berlaku, patutlah diberitahu pada masa pendaftaran itu diistiharkan dibuka untuk disemak. Saya fikir ini tanggungjawab Ahli Yang Berhormat sebagai wakil kawasan itu. Barangkali perkara ini berlaku sebab dia tidak balik ke kawasannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sedar tanggungjawab saya dan satu halangan kepada menjalankan tanggungjawab wakil rakyat maka perkara ini ialah mereka tidak boleh dapat semacam buku-buku pendaftaran dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa di masa hadapan semua wakil rakyat boleh dapat electrol roll sungguhpun mereka boleh membeli sendiri kerana sekarang tidak boleh didapati?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah beritahu dahulu, Suruhanjaya Pilihanraya telah diminta supaya mencetak banyak lagi buku-buku ini untuk dijual kepada sesiapa yang berkehendakkan.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di Pertua, sungguhpun Suruhanjaya Pendaftaran Pengundi-pengundi menjalankan tugas-tugas dengan adil dan teratur, tetapi pendaftaran itu telahpun dijalankan on part-time basis sahaja, lepas habis kerja. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan apa-apa rancangan iaitu boleh menjalankan full time registration of voters?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kalau mustahak kita boleh adakan, tetapi seperti saya telah terangkan dahulu kita telah tambah bilangan pegawai-pegawai ini dan dahulu pada tahun yang lalu ada 3,320 sahaja pegawai-pegawai pendaftar, pada tahun ini ada 3,752 pegawai-pegawai. Jadi nyatalah kita sudah tambah cukup banyak pegawai-pegawai ini.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA— PERLAKSANAAN

6. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Rancangan Malaysia Yang Kedua telah dilaksanakan dan bilangan orang yang telah mendapat faedah dari rancangan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengetahui, tidaklah mungkin bagi pihak Kerajaan hendak menyatakan dengan secara tepat bilangan orang-orang yang mendapat faedah daripada Rancangan Malaysia Yang Kedua. Ada setengah gulungan rakyat yang menerima faedah-faedah secara langsung dan sebaliknya pula ada gulungan rakyat yang menerima faedah secara tidak langsung.

Walau bagaimanapun, setakat ini Lapuran Ekonomi yang telah dibentangkan di Dewan ini bersama-sama dengan Anggaran Belanjawan merupakan satu analisa yang teratur mengenai kemajuan ekonomi seluruhnya dan juga kemajuan aspek-aspek utama dalam Rancangan Malaysia Kedua itu.

Kerajaan sedang giat sekarang ini menjalankan urusan kajian semula (Mid-Term Review) bagi Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua sejauh manakah Syarikat Perunding dari Canada telah menyediakan satu Master Plan untuk projek Pahang Tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ini soal lain, kalau hendak bawa dalam perbincangan belanjawan boleh dikemukakan, dan kita boleh jawab.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Apakah dasar pembahagian peruntukan bagi tiap-tiap buah negeri di seluruh Malaysia ini supaya di tiap-tiap negeri itu mendapat perimbangan pembahagian yang menepati bagaimana slogan ataupun tema Kerajaan menyatakan "Mesyarakat Adil" oleh kerana saya faham sampai sekarang ini masih lagi negeri yang mundur itu tidak dapat mengejar mana-mana negeri yang telah maju oleh kerana tidak ada satu dasar yang ditentukan mana-mana negeri yang mundur itu digandakan peruntukannya dan negeri yang telah maju itu dikurangkan peruntukan supaya perimbangan kemajuan dan dasar ekonomi baharu bagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang di antara pihak yang berada dengan pihak yang tidak berada?

Tuan Yang di Pertua: Soalnya apa?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Dasar peruntukan pembahagian bagi tiap-tiap buah negeri itu. Itu dia soalnya, Tuan Yang di Pertua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah kerap kali istiharkan dan saya sendiri kerap kali berkata iaitu kita sentiasa memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang mundur dan peruntukan adalah bergantung kepada adanya rancangan-rancangan yang boleh dijalankan. Di negeri Trengganu saya tahu ada banyak rancangan-rancangan sekarang ini sedang dijalankan. Barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri tidak mengetahui hal ini. Pada masa dia menjadi Menteri Besar dahulu harus barangkali tidak ada rancangan, tetapi sekarang ini ada banyak rancangan-rancangan sedang dijalankan. Kita sedang menjalankan rancangan Trengganu Tengah iaitu rancangan raksaksa yang besar di Trengganu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan. Saya adalah salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuala Trengganu oleh kerana saya menjadi Ahli Parlimen Kuala Trengganu dan saya pernah hadir di dalam masyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah itu dan pihak Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah pernah menyatakan bahawa kita ada banyak rancangan yang kita telah hantarkan kepada Kerajaan Pusat, tetapi tidak ada peruntukan yang diberi kepada kita. Jadi apakah kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuala Trengganu itu tidak betul? Itu saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya tidak tahu apa rancangan yang dikatakan. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh terangkan apa dia rancangan yang telah di kemukakan kepada Kerajaan Pusat yang tidak diberi peruntukan, saya boleh semak perkara ini, tetapi tidak tahu apa rancangan yang disebutkan itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Saya faham semua rancangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Negeri itu telah dihantarkan kepada.

Tuan Yang di Pertua: Ya, kalau dihantarpun bukan boleh perkara itu dihafal

dengan ingatan sentiasa. Jadi kalau tidak ada dihantar hendak bercakap begitu sahaja, tidak boleh. Kalau ada rancangannya beritahu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Perkara ini ada hitam putih, sebab itu saya berani bercakap.

Tuan Yang di Pertua: Mana dia hitam putihnya pada masa ini?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Ada hitam putih itu dihantar kepada Kerajaan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua ini.

Tuan Yang di Pertua: Jangan habiskan masa mesyuarat ini. Ini bukan masa hendak bertengkar.

PEMERINTAHAN BERSEKUTU MENGHAPUSKAN PENGGANAS KOMUNIS

7. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Thai bercadang menubuhkan suatu pemerintahan bersekutu (unified command) daripada yunit-yunit kedua-dua belah pihak yang menjalankan kegiatan menghapuskan pengganas-pengganas komunis bagi melicinkan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, jawabnya tidak.

SUDARMADJI DILARANG MASUK MALAYSIA

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Encik Sudarmadji, seorang pengarah filem Melayu dilarang memasuki Malaysia buat selama-lamanya. Apakah kesalahan yang telah dilakukannya di negeri ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, Encik Sudarmadji telah dilarang masuk ke negeri ini mengikut seksyen 9 (1) (a) Ordinance Imigresen tahun 1959 demi kepentingan keselamatan awam Persekutuan.

PINJAMAN—KADAR BUNGA

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan pandangan beliau mengenai keadaan kewangan antarabangsa, bilangan dan jumlah pinjaman yang beliau telah perolehi semasa pemergian beliau ke seberang laut baru-baru ini, kadar bunganya dan tujuan tertentu bagi tiap-tiap pinjaman ini.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, jelas sekali bahawa tidak mungkin bagi saya untuk memberikan ringkasan mengenai keadaan kewangan antarabangsa dalam jawapan kepada soalan lisan di Parlimen kecuali untuk mengatakan bahawa keadaan itu adalah terlalu tidak tetap. Oleh sebab ini, Tabung Wang Antarabangsa (I.M.F.) telah menaja penubuhan Jawatankuasa Dua Puluh dan Jawatankuasa Timbalan-timbalan (The Committee of Twenty and a Committee of Deputies). Jawatankuasa yang pertama itu terdiri dari Menteri-menteri Kewangan bagi kedua-dua negara yang telah maju dan yang sedang maju, sementara yang keduanya pula terdiri dari pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Bank Pusat dan badan ini ditubuhkan untuk berkhidmat kepada Jawatankuasa Peringkat Menteri, yang kecuali sebagai Jawatankuasa Dua Puluh.

Malaysia telah diberi satu kedudukan yang istimewa dalam penubuhan ini di mana Kumpulan Asia Tenggara yang terdiri dari 12 buah negara telah mencalonkan Malaysia untuk berkhidmat dalam kedua-dua Jawatankuasa itu. Untuk tujuan ini saya akan mewakili Malaysia dan Kumpulan Jawatankuasa Dua Puluh, manakala Encik Choi Siew Hong, bekas Timbalan Gabenor Bank Negara akan mewakili kita dalam Jawatankuasa Timbalan-timbalan.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, tidak ada rundingan-rundingan pinjaman dibuat semasa lawatan saya ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun baru-baru ini, kerana ini bukanlah tujuan lawatan saya itu. Walau bagaimanapun sebagai-bagai tawaran telah dibuat dan ini akan ditimbangkan menurut keperluan-keperluan kita.

WANG SIMPANAN ASING MALAYSIA

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan memberikan gambaran penggunaan wang simpanan asing Malaysia, memandangkan kemungkinan turunnya lagi nilai wang paun dan naiknya nilai Yen Jepun.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, bukanlah untuk kepentingan negara jika diumumkan komposisi cadangan luar negeri rasmi kita. Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah diberi jaminan bahawa kami telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan yang cadangan-cadangan tukaran matawang luar negeri ini adalah dikelolakan dengan pandangan, antara lain-lainnya, untuk masa hadapan. Oleh itu kemungkinan penurunan rasmi matawang pound sterling dan kenaikan matawang Yen Jepun tidaklah diabaikan.

"PERISTIWA"—RANCANGAN POPULAR T.V.

11. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Dengan Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan kenapa TV Malaysia seolah-olah memaksa orang ramai menuntun rancangan Peristiwa dengan cara menunjukkannya di kedua-dua rangkaian pada waktu yang sama.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, jawapan telah diberi atas perkara tersebut dalam Dewan ini pada 5hb Disember, 1972.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, soal tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar mengenai rancangan "Peristiwa" bahawa orang ramai tidak puas hati mungkin rancangan ini dimainkan dua saluran sekali gus.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya sudah katakan tadi, kalau elok bacalah buku rasmi kerana sudah ada disebutkan di situ, tetapi boleh saya katakan ini di atas popular demand.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

12. Tuan Mustapha bin Hussain minta Peguam Negara menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap kegunaan Bahasa

Malaysia dalam Mahkamah-mahkamah dan apakah kesukaran jika Bahasa kita diteruskan kegunaannya dalam kes-kes jenayah pada permulaannya di Mahkamah-mahkamah Rendah sebagaimana sekarang.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, Section 8 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963 ada menyatakan iaitu segala perbicaraan melainkan keterangan yang diberi oleh seorang saksi dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, atau dalam bahasa Inggeris, atau sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris dengan syarat Mahkamah boleh samada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam perbicaraan dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi perbicaraan itu, pemerintah bahawa perbicaraan itu melainkan keterangan yang diberi oleh seorang saksi hendaklah samada semuanya dalam Bahasa Kebangsaan atau semuanya dalam bahasa Inggeris. Ini ialah dasar Kerajaan yang telah dijadikan Undang-undang bagi pelaksanaannya.

Undang-undang adalah jelas, Tuan Yang di Pertua, dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah-mahkamah itu, di mana boleh semua perbicaraan-perbicaraan adalah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Dan dalam perbicaraan Mahkamah Rendah pula Bahasa Kebangsaan telah digunakan dengan seberapa banyak yang boleh di dalam Bahasa Kebangsaan. Ada masanya Peguambela yang membela orang yang kena tuduh itu dalam kes-kes jenayah membuat permohonan kepada Mahkamah meminta kes mereka itu dijalankan dalam bahasa Inggeris dengan alasan mereka belum fasih lagi dalam Bahasa Malaysia.

Amalan yang dibuat oleh Mahkamah ialah mematuhi permohonan mereka terutama jika Mahkamah berpendapat bahawa menolak permohonan mereka akan akhirnya melibatkan perbicaraan dijalankan dengan tidak adil dan perbicaraan yang kena tuduh tersebut. Kesukaran menjalankan perbicaraan tiap-tiap kes jenayah dalam Bahasa

Kebangsaan sahaja di Mahkamah Rendah ialah dengan sebab-sebab berikut :

- (i) Banyak lagi Peguam-peguam yang bukan Melayu belum fasih dalam Bahasa Kebangsaan, bahasanya yang boleh dikatakan masih lemah lagi.
- (ii) Ada sebilangan Pegawai-pegawai Undang-undang dan Mejistret yang bukan Melayu belum fasih lagi dalam Bahasa Kebangsaan bagi kegunaan dalam perbicaraan.

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Peguam Negara memberitahu dalam kes pembunuhan di Mahkamah Tinggi bahawa bahasa Malaysia boleh digunakan ataupun tidak?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, mengikut Undang-undang Section 8 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963 boleh digunakan, dengan syarat sebagaimana saya katakan tadi Hakimnya, Peguamnya, Pendakwanya semuanya fasih dalam Bahasa Kebangsaan dan juga Ahli-ahli Juri, kalau tidak salah.

THE GUARDIAN LIDAH RASMI M.C.A.

13. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar :

- (a) "The Guardian," lidah rasmi M.C.A. menyatakan bahawa adalah tidak praktikel bagi setengah-setengah firma orang-orang Cina di negeri ini mengambil pekerja-pekerja menurut komposisi kaum penduduk negeri ini sejajar dengan dasar ekonomi baharu pemerintah sekarang;
- (b) bahawa Selangor Emporium di Ibu Kota Kuala Lumpur ini yang menjalankan perniagaan menjual barang-barang yang kebanyakannya dibuat di negeri Republik Rakyat Cina mengambil pekerja-pekerja 98% dari satu kaum sahaja dan jika sedar, apakah tindakan beliau bercadang hendak ambil di dalam perkara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya didapati bahawa percetakan yang dirujukkan itu tidak pernah pun mengeluarkan kenyataan itu.

Menjawab soalan yang kedua, mengenai Selangor Emporium di Ibu Kota Kuala Lumpur, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Setiausaha Parlimen dari Kementerian saya telahpun membuat lawatan keperusahaan itu baru-baru ini dan telah menarik perhatian majikan kepada tidak seimbangnya tenaga-kerja yang ada di perusahaannya sekarang dan telah menasihatinya supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menentukan bahawa di masa hadapan akan terdapat perseimbangan tenaga-kerja di semua peringkat pekerjaan di perusahaan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Ithnin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang telah menyatakan dalam penyiasatan yang telah dibuat mengenai perimbangan pekerja-pekerja di Selangor Emporium, maka sesudah daripada penyiasatan dilakukan, berapa banyakkah perubahan ataupun ada perubahan-perubahan yang telah dapat dijalankan oleh Menteri kita ataupun syarikat Emporium itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, selepas lawatan Setiausaha Parlimen, ada juga majikan yang telah mengikut nasihat daripada Kementerian.

BAHASA KEBANGSAAN—KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

14. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa Kolej Tunku Abdul Rahman tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam urusan pentadbiran dan pelajarannya memandangkan bahawa Kerajaan ada menghulurkan bantuan kewangan kepada penubuhan dan perkembangan Kolej ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Dalam Suratcara Kerajaan Kolej Tunku Abdul Rahman ada dinyatakan bahawa Kolej itu adalah tertakluk kepada Akta Pelajaran dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya. Maka dengan itu Kolej ini hendaklah mematuhi segala arahan-arahan dan peraturan yang dibuat mengikut Akta Pelajaran itu. Sebagai juga sebuah sekolah yang mematuhi Akta Pelajaran ianya juga hendaklah mematuhi segala dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan pelajaran.

Berkenaan dengan dasar bahasa pengantar, rancangan Kerajaan untuk menukar bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris supaya menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telahpun ditetapkan.

Menurut Jadual yang telah dibuat pelaksanaan dasar tersebut yang bermula pada tahun 1970 sekarang ini telah sampai kepada peringkat darjah III di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Pelaksanaan diperingkat rendah ini akan berjalan sehingga tahun 1975, di mana pada tahun tersebut tidak akan wujud lagi sekolah rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Segala peperiksaan diperingkat itu akan dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Mulai tahun 1976 akan bermulalah perubahan diperingkat Sekolah Menengah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris (Tingkatan I-III) menjadi sekolah-sekolah Menengah Rendah Kebangsaan. Proses ini akan berjalan sehingga tahun 1978 di mana pada peringkat itu tidak akan ada lagi Sekolah-sekolah Menengah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris dan semua peperiksaan diperingkat SRP pula dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Pada tahun 1979 akan bermula perubahan Sekolah-sekolah Menengah Atas Jenis Kebangsaan Inggeris (Tingkatan IV-V) menjadi Sekolah-sekolah Menengah Atas Kebangsaan. Proses ini akan berjalan hingga tahun 1980 di mana sampai pada tahun tersebut tidak akan ada lagi Sekolah-sekolah Menengah Atas Jenis Kebangsaan Inggeris dan peperiksaan-peperiksaan diperingkat S.P.M. akan hanya dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia.

Perubahan diperingkat Menengah Tinggi iaitu Tingkatan VI akan bermula pada tahun 1981 dan berakhir pada tahun 1982. Pada tahun tersebut akan hanya wujud Tingkatan VI Kebangsaan dan peperiksaan ini diperingkat S.T.P. akan hanya dilaksanakan di dalam Bahasa Malaysia.

Memandangkan bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman bertaraf sebagai sebuah Sekolah Menengah dan tertakluk pula kepada ketentuan-ketentuan yang ada di dalam Surakarta Kerajaan itu maka Kolej itu akan juga terlibat di dalam Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sedang berjalan itu.

Kolej Tunku Abdul Rahman mengadakan pelajaran dalam Tingkatan V dan Tingkatan VI. Apabila pelaksanaan penukaran bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris sampai ke peringkat MCE dan HSC maka Kolej itu juga terpaksa menukarkan bahasa pengantar-nya mengikut jadual yang telah ditetapkan di dalam rancangan penukaran bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris itu.

Kolej Tunku Abdul Rahman juga menyediakan penuntut-penuntut untuk mengambil peperiksaan-peperiksaan luar seperti Chartered Institute of Secretaries and Administrations (ACIS) dan Association of Certified and Corporate Accountants (ACCA) dan juga peperiksaan untuk Institute of Building, United Kingdom serta ijazah luar (external degree) B.Sc., Universiti London. Peperiksaan-peperiksaan itu diadakan di dalam Bahasa Inggeris dan untuk memenuhi kehendak-kehendak peperiksaan itu maka sementara waktu Bahasa Inggeris adalah digunakan bagi menyampaikan mata-mata pelajaran itu sehingga kesatu masa apabila badan-badan yang serupa di negara ini dapat mengendalikan peperiksaan-peperiksaan tersebut. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kolej Tunku Abdul Rahman adalah dipersetujukan mengadakan pengajian-pengajian persediaan ke universiti-universiti dan menyediakan penuntut-penuntutnya bagi memperolehi ijazah-ijazah luar (external degrees).

Mengenai pentadbirannya, menurut Surakarta Kolej itu semua minit-minit mesyuarat Majlis dan lain-lain Jawatankuasa yang ditubuhkan di Kolej itu hendaklah di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Semua persuratan dan perkara-perkara yang lain yang dibuat oleh Kolej Tunku Abdul Rahman adalah dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan dan ada diterjemahkan di dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Ng Hoe Hum: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Menteri Pelajaran memberitahu berkenaan dengan bahasa pengantar dalam soalan 14 ini, apakah usaha akan diambil oleh Kerajaan untuk menukarkan bahasa pengantar di Kolej Melayu, Kuala Kangsar dan Instituti Teknologi MARA, Petaling Jaya dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Itu soalan lain, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sejauh manakah Kolej Tunku Abdul Rahman ini telah mematuhi Akta Pelajaran sedangkan apa yang kita tahu perimbangan penuntutnya diantara penuntut-penuntut Melayu dengan penuntut yang bukan Melayu begitu jauh sekali.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Itu juga lain, Tuan Yang di Pertua.

PERHENTIAN BAS DI KUALA LUMPUR—RANCANGAN

15. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rancangan perhentian-perhentian bas di Kuala Lumpur.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, pada masa ini ada dua rancangan perhentian-perhentian bas, satu sedang dalam pembinaan di sebidang kawasan tapak di Jalan Pekeliling untuk bas-bas dan teksi-teksi ke bahagian Utara dan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut, dan satu lagi di kawasan tanah di Jalan Pudu yang sedang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) bagi keperluan bas-bas dan teksi-teksi ke bahagian Selatan. Perhentian bas yang ada sekarang di Jalan Rodger menyediakan untuk bas-bas dan teksi-teksi yang berkhidmat ke Kelang dan Pelabuhan Kelang.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— MEMORANDUM

16. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Dengan Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan kampung-kampung baru yang beliau telah lawat, bilangan memorandum-memorandum yang beliau telah terima dan bilangan dan jenis aduan-aduan yang beliau terima.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, sehingga akhir bulan November, 1972 saya telah melawat lebih kurang 108 buah kampung baru.

Banyak surat-surat rayuan dan beberapa memorandum yang telah diterima, tetapi tidak boleh dinyatakan bilangannya serta jenis-jenis aduan atau rayuan yang dikemukakan satu-persatu.

Aduan-aduan dan rayuan-rayuan yang telah saya terima, pada amnya bolehlah dibahagikan kepada empat kategori, iaitu:

- (a) untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru seumpama memperbaiki atau membuat jalan dan longkang, membina tandas dan lain-lain;
- (b) untuk mendapat kemudahan seperti bekalan air, letrik, padang-padang permainan dan lain-lain;
- (c) untuk mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan, persekolahan dan perhubungan;
- (d) tanah—iaitu:
 - (i) untuk mendapat tanah tapak rumah bagi kampung-kampung baru yang sesak;
 - (ii) tanah untuk bertanam-cucuk;
 - (iii) mendapat surat milik bagi lot-lot yang diduduki dengan Lesen Tumpangan Sementara;
 - (iv) diberi tempoh pajakan yang berpatutan;
 - (v) dikenakan bayaran harga tanah (premium) dan hasil yang berpatutan.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah tindakan yang akan diambil terhadap memorandum-memorandum dan aduan-aduan ini?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, banyak aduan-aduan dan rayuan-rayuan yang sudah diterima. Saya ada melawat dan bertemu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan meminta Kerajaan Negeri membuat tindakan. Satu masaalah yang besar sudah diselesaikan, iaini masaalah-masaalah dalam pelesenan perbandaran sementara. Pada tahun yang akan datang, dalam masa perbincangan belanjawan akan diberi peruntukan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah dalam facilities dan amenities dalam kampung baharu.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Masaalah-masaalah dalam kampung-kampung baharu banyak yang kita telah dengar; bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi satu jaminan kepada Dewan ini bilakah masaalah ini boleh dapat dilakukan, samada enam bulan, satu tahun ataupun dua tahun?

Dr Lim Keng Yaik: Saya ingat dalam mesyuarat ini, saya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberitahu Dewan ini mengenai bahagian saya, bukan Kementerian saya, bukan satu Kementerian "Executive". Oleh itu, saya tidak boleh menjamin, bila masaalah-masaalah itu boleh diselesaikan.

MENDARAT DI BRUNEI— KEENGGANAN

17. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab keengganan Kerajaan Brunei memberikan kita hak mendarat di Brunei.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, ini saya telah nyatakan dan sudah menjawabnya banyak kali dan kelmarin saya sudah menjawabnya. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu faham.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi sebab-sebab kenapa perundingan tidak dibuat awal-awal lagi tentang hal ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, pada bulan Mac kita sudah berunding, tetapi sudah masuk kali yang ketiga pun kita masih menerima jalan buntu kita mencari jalan keluar.

MAHKAMAH PERINDASTRIAN— PENUBUHAN

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Mahkamah Perindustrian dalam Negeri Pulau Pinang dan jika ya, bilakah Mahkamah itu akan ditubuhkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu Mahkamah Perusahaan dalam Negeri Pulau Pinang pada masa ini, disebabkan keadaan masih belum perlu, tetapi akan diteruskan dengan peraturan yang dijalankan sekarang di mana Yang di Pertua Mahkamah atau Pengerusi Bahagiannya pergi ke Pulau Pinang untuk mendengar kes di situ.

BAHASA MALAYSIA DI KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

19. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar Kolej Tunku Abdul Rahman di masa hadapan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, perkara ini telah saya jawab tadi di dalam soalan No. 14.

SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN

20. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbankan dengan teliti atau tidak untuk melancarkan satu penyiasatan penuh terhadap kerumitan-kerumitan dan masaalah-masaalah di dalam seluruh sistem pelajaran di negara kita supaya ia menjadi satu sistem yang lebih masyarakat-oriented daripada sistem yang ada sekarang yang sangat sekolah-oriented.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, sistem Pelajaran Kebangsaan kita sekarang adalah digubal berdasarkan kepada Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib yang telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan Parlimen. Perlaksanaan syor-syor di dalam Penyata-penyata itu setakat mana ianya diterima oleh Kerajaan, adalah dibuat dengan teliti. Sekolah-sekolah kita tidak semata-mata mengajar pengetahuan akademik, tetapi juga memberi latihan tata-susila dan keperibadian yang sihat untuk kanak-kanak menyesuaikan diri dalam masyarakat. Di samping itu Kementerian saya dari semasa ke semasa ada menjalankan kajian untuk menentukan bahawa dasar-dasar ini berjalan dengan sempurna.

Oleh yang demikian tidaklah perlu diadakan satu penyiasatan penuh terhadap sistem pelajaran kita sekarang.

GURU SEMENTARA—TAMAT PERKHIDMATAN

21. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S. O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pelajaran apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan bahawa guru-guru yang "berlebihan" dan dibuang adalah diberi latihan yang cukup bagi kerja-kerja lain dan oleh yang demikian tidak akan menambah lagi bilangan penganggur di Malaysia.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan perkataan "guru-guru berlebihan". Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan guru-guru sementara yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka, Kementerian saya tidak ada menyediakan latihan khas bagi guru-guru tersebut. Walau bagaimanapun bagi guru-guru yang mempunyai kelayakan yang sesuai, bolehlah memohon masuk salah satu daripada Maktab-maktab Perguruan yang ada atau mereka bolehlah mencuba memohon untuk mendapatkan pekerjaan di dalam lapangan lain samada di kalangan pihak Kerajaan atau swasta.

Di samping itu, mereka ini boleh mengambil peluang mencari kerja ataupun mendapatkan latihan di salah sebuah badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memberi latihan kepada belia-belie yang mempunyai kelayakan yang tertentu. Di Malaysia Barat, di antara kemudahan-kemudahan latihan tersebut termasuklah rancangan-rancangan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rancangan latihan yang telah disediakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat termasuklah penubuhan Instituti Latihan Perusahaan (Industrial Training Institute) yang mengadakan kursus-kursus persediaan kemahiran (Preparatory Trade Courses) di bawah latihan rancangan yang dipercepatkan. (accelerated training programme). Tujuan utama rancangan ini ialah memberi latihan dalam beberapa bidang pekerjaan yang terlatih (skilled

occupations) kepada belia-belie yang keluar sekolah dan kepada penganggur-penganggur yang lebih dewasa. Di antara kemudahan latihan kemahiran yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pula termasuklah rancangan Angkatan Belia Pelupur Negara (National Youth Pioneer Corps) di Dusun Tua, rancangan "on-the-job-training" bagi projek-projek pertanian dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya dan juga latihan vokesyen mobile unit di peringkat negeri.

Saya tidak dapat menjawab dengan tepat mengenai peluang-peluang latihan yang terdapat di Malaysia Timor kerana perkara yang seperti ini adalah di bawah tadbiran Kerajaan Negeri sendiri.

LAPURAN AZIZ—TUNGGAKAN GAJI

22. Tuan Edwin Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah guru-guru di Sarawak akan dibayar tunggakan menurut Laporan Aziz.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, tunggakan-tunggakan gaji akan dibayar apabila guru-guru di Sarawak menerima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang telah dipinda. Pekeliling Perkhidmatan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang dipinda sedang diselenggarakan dan dijangka akan siap untuk pelaksanaan awal tahun hadapan. Untuk makluman Dewan, kedudukan guru-guru di Sabah adalah sama.

BAYARAN PEPERIKSAAN S.P.M.

23. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang mengurangkan yuran-yuran peperiksaan calon-calon yang menduduki peperiksaan-peperiksaan S.R.P. dan S.P.M., sebab yuran-yuran yang dikenakan kini mendatangkan kerumitan kepada ramai ibubapa-ibubapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini, Kementerian saya akan mengurangkan kadar bayaran untuk memasuki peperiksaan S.P.M. mulai tahun hadapan. Ini dapat dijalankan kerana sebahagian besar dari pengelolaan peperiksaan tersebut telahpun diambil alih oleh

Kementerian Pelajaran daripada Lembaga Peperiksaan Cambridge. Mengenai bayaran masuk peperiksaan M.C.E. pula, oleh kerana peperiksaan ini masih dikendalikan oleh Cambridge maka kadar yang dikenakan sekarang adalah ditetapkan oleh Cambridge sendiri. Walau bagaimanapun perbezaan di antara kadar pertukaran resmi bagi paun sterling dan ringgit Malaysia dan kadar kutipan yang sebenarnya akan dikurangkan mulai tahun hadapan. Ini bermakna bahawa calon-calon yang mengambil peperiksaan M.C.E. akan membayar yuran yang kurang sedikit dari tahun-tahun yang sudah.

Bagi peperiksaan S.R.P./L.C.E. saya dukacita tidak dapat mengurangkan yuran untuk memasuki peperiksaan tersebut. Bayaran masuk peperiksaan S.R.P./L.C.E. yang dikenakan pada masa ini adalah \$15.00 bagi seseorang calon yang mengambil Sijil Penuh. Kadar ini belum pernah dinaikkan semenjak peperiksaan ini dimulakan. Kementerian saya tidak dapat mengurangkan kadar masuk peperiksaan ini kerana perbelanjaan-perbelanjaan untuk mengendalikan peperiksaan ini seperti bayaran kepada pencetak-pencetak kertas soalan, elaun perjalanan bagi pengawas peperiksaan, bayaran bagi pengawas-pengawas peperiksaan, bayaran pos dan sebagainya telah bertambah. Tambahan pula semenjak tahun 1972, ujian lisan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah dimulakan. Ini juga bermakna bahawa perbelanjaan yang lebih terpaksa dikeluarkan oleh Kementerian saya.

PAKAIAN BAJU KURUNG— MEWAJIBKAN

24. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang mewajibkan pakaian baju kurung dan kain sarong bagi pelajar-pelajar puteri yang beragama Islam di semua peringkat persekolahan di Malaysia ini, kalau tidak mengapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, jawabnya tidak. Dalam perkara ini Kementerian Pelajaran memberi kuasa penuh kepada ibubapa kanak-kanak itu. Murid-murid perempuan yang beragama Islam di Sekolah-sekolah Menengah diberi

kebenaran memakai baju kurung dan kain sarung sekiranya ibubapa mereka berkehendakkan mereka membuat demikian.

KESATUAN SEKERJA— PENUBUHAN

25. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bahawa mengikut Lapuran bulan Jun 1972 yang dikeluarkan oleh Kementerian beliau, bilangan ahli-ahli kesatuan sekerja hanya 288,795 di dalam 257 kesatuan, daripada 3.7 juta pekerja-pekerja di negara ini, apakah langkah yang telah diambil untuk mengelakkan pekerja-pekerja menganggotai kesatuan-kesatuan sekerja.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, kesatuan sekerja adalah pertubuhan sukarela. Pekerja-pekerja mempunyai hak untuk menubuhkan dan memasuki kesatuan sekerja di dalam reka bentuk Ordinan Kesatuan Sekerja. Perbekalan tertentu adalah disediakan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 bagi melindungi ahli-ahli kesatuan sekerja dari sebarang tindakan penganiayaan dan diskriminasi oleh majikan-majikan mereka. Walaupun bilangan kesatuan sekerja ini tidak banyak, bilangan ahli-ahli kesatuan sekerja pekerja-pekerja sekarang ini adalah makin bertambah, iaitu 325,916 di dalam bulan Oktober, 1972 berbanding dengan 308,979 dalam bulan Januari 1972. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa hanya pekerja-pekerja yang mempunyai kontrak perkhidmatan sahaja adalah layak memasuki kesatuan sekerja.

KELAPA—KELULUSAN YANG DITANAM

26. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah luas tanah yang telah diberikan kepada orang perseorangan atau syarikat-syarikat untuk menjalankan perusahaan penanaman kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, jumlah keluasan tanah yang di tanamkan dengan kelapa sawit pada pertengahan tahun 1972 adalah lebih kurang 989,000 ekar. Dari jumlah ini rekod kami menunjukkan bahawa 506,187 ekar telah diusahakan oleh pihak swasta.

SURAT BERISI BOM— SIASATAN POLIS

27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa perkara menghantar surat-surat berisi bom kepada pegawai-pegawai Israel di luar negeri itu dilakukan oleh mereka yang menentang Malaysia menyokong umat Arab dalam perjuangannya menentang Yahudi dan jika ya apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, pihak Polis telahpun menjalankan siasatan dan telah berhubung dengan pihak Polis Antarabangsa (Interpol) meminta bantuan untuk menentukan negeri asalnya surat-surat letupan tersebut dan orang-orang atau pertubuhan-pertubuhan yang bertanggungjawab menghantarkannya. Setakat ini penyiasatan itu masih diteruskan dan oleh yang demikian butir-butir lanjut tidak dapat diumumkan demi kepentingan tujuan siastan tersebut.

KILANG MEMPROSES IKAN

28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada benar bahawa Kilang Memproses Ikan di Pusat Kajiteknik Makanan di Kuala Trengganu digunakan oleh Perbadanan Iktisad Negeri Trengganu dan jika ya, bila dan mengapa ianya digunakan. Sejauh manakah kerjasama yang telah diberikan oleh kedua-dua badan ini dalam kerja-kerja mereka dalam kilang ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, kilang memproses ikan untuk kajian telah dibina oleh Bahagian Kajiteknik Makanan dalam tahun 1971 dan siap dalam tahun 1972. Semasa itu juga Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu telah merancang untuk menjalankan perusahaan memproses ikan. Dengan tujuan untuk memberi latihan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Perbadanan itu pihak Teknologi Makanan telah bersetuju untuk menjalankan latihannya di kilang yang tersebut.

Rundingan telah diadakan antara Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu dengan Lembaga Kemajuan

Pemasaran Pertanian Persekutuan. Hasilnya satu Syarikat yang bernama Syarikat Memproses Ikan Kuala Trengganu telah ditubuhkan dengan modal perkongsian antara Jemaah Pemasaran Ikan FAMA dengan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu untuk menjalankan perusahaan memproses ikan. Buat sementara, pihak Bahagian Kajiteknik Makanan telah bersetuju dengan kebenaran Perbendaharaan bagi kilangnya digunakan oleh Syarikat PERTIMA dengan bayaran sewa sebanyak \$25.00 tiap-tiap satu giliran 8 jam. Apabila pelatih-pelatih pekerja Syarikat Pertama itu telah mengetahui selok-belok perusahaan itu dan perusahaan ini adalah menguntungkan Syarikat Pertama akan membina kilangnya sendiri.

INDASTRI KAYU BALAK MALAYSIA

29. Tuan Ng Hoe Hum (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang mengadakan Industri-industri Kayu Balak Malaysia di dalam yunit-yunit yang lebih ekonomik untuk bertanding di dalam pasaran dunia.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, Ya, Kementerian Perusahaan Utama akan terus menimbang mengadakan industri-industri kayu balak dan perusahaan kayu di Malaysia di dalam yunit-yunit yang lebih ekonomi lagi supaya dapat bertanding di dalam pasaran dunia. Dalam bidang ini kilang-kilang perusahaan kayu yang kurang mengeluarkan kayu bermutu akan digalakkan memodenkan kilangnya supaya mengeluarkan kayu yang telah diproses dengan mutu tinggi dan yang boleh bertanding dalam pasaran dunia. Kerajaan telah juga menggalakkan penubuhan kompleks perusahaan kayu besar-besaran misalnya kompleks kayu-kayan di Jengka dan lain-lain yang akan dibina di Bukit Ibam, Lesong, Johor Tengah dan Dungun untuk mengeluarkan kayu yang diproses yang bermutu cukup tinggi hingga boleh bertanding di dalam pasaran dunia.

GETAH ASLI—PENGUNAANNYA

30. Tuan Hashim bin Gera (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan terhadap keputusan yang telah dibuat

oleh Kerajaan bagi mencegah pembeli-pembeli getah Malaysia daripada mengamalkan polisi Amerika Syarikat dengan menghadkan penggunaan getah asli kepada 20% sahaja daripada jumlah yang digunakan di dalam negeri.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, malangnya soalan Ahli Yang Berhormat itu berbunyi seolah-olah bertujuan hendak melanggarkan perkara dasar sebuah Kerajaan lain. Kalau itu maksud beliau kita tidaklah boleh berbuat apa-apa.

Sebenarnya pada masa sekarang ini Amerika Syarikat tidak ada lagi melarang penggunaan lebih daripada 20% daripada getah asli dalam apa-apa barang yang dibuatnya. Menerus perkhidmatan nasihat teknikal yang ditubuhkan di beberapa negara-negara pengguna getah asli yang utama, kita telah menggalakkan pengguna-pengguna bagaimana kebaikan getah asli ini termasuk kebaikannya menggunakan lebih banyak getah asli daripada getah lain di mana campuran getah itu dapat memperbaiki mutu sesuatu barang buatan.

SETOK BERLEBIHAN DI MALAYSIA

31. Tuan Hashim bin Gera (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang kajian yang telah dijalankan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara yang menunjukkan banyak syarikat-syarikat perusahaan di Malaysia telah menjalankan permodalan yang berlebihan yang bermaksud menyekat modal-modal yang berlebihan yang boleh digunakan dengan cara yang lebih baik, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya bagi membetulkan perjalanan syarikat-syarikat tersebut.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyedari bahawa ada banyak syarikat-syarikat di Malaysia yang menyimpan setok yang berlebihan. Bukanlah tujuan Kementerian ini untuk campur tangan dalam dasar pengurusan persendirian syarikat-syarikat tentang setok-setok mereka. Walaubagaimanapun Pusat Daya Pengeluaran Negara di bawah Kementerian ini sentiasa berusaha

untuk memberikan galakan dan bantuan kepada syarikat-syarikat untuk mengurus setok mereka dengan cara pengurusan yang sihat melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) dengan mengadakan lebih banyak lagi kursus dan seminar "Pengurusan Pembelian" bagi pengurus-pengurus kanan dari sektor swasta dan awam yang terlibat dalam bidang ini, dan
- (ii) dengan memberi khidmat perunding pengurusan jika perlu untuk mengatasi masalah ini.

PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI

32. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pendaftaran pengundi-pengundi yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada bulan September lalu telah gagal kerana:

- (a) salah pengelolaan pendaftaran menyebabkan beribu-ribu pengundi yang layak tidak dapat didaftarkan;
- (b) pasukan-pasukan pendaftaran telah tidak diarah dan bersedia dengan sempurna untuk menjalankan pendaftaran dari rumah ke rumah di kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dari jalanraya-jalanraya;
- (c) tidak membenarkan parti-parti politik membantu mendaftarkan pengundi-pengundi; dan
- (d) pusat-pusat pendaftaran kebanyakan jauh dari kawasan kediaman pengundi-pengundi, jika ia, samada beliau akan menyiasat dan menasihati Suruhanjaya Pilihanraya supaya jangan mengulangi salah aturan ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berasas sama sekali.

Kerajaan berpuashati dengan cara-cara yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di dalam gerakan Pendaftaran Pengundi-pengundi baru-baru ini. Berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang dinyatakan

oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan bahawa:

- (a) Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah mengetahui mana-mana kes di mana pengundi-pengundi yang layak didaftarkan tidak dapat berbuat demikian. Sejauh yang diketahui tidak ada seorang pengundi pun yang layak telah ditolak permohonannya atas sebab-sebab yang tidak sah;
- (b) pasukan-pasukan pendaftaran telah menjalankan kerja-kerja mereka dengan sempurna di kawasan masing-masing. Mereka bukan sahaja memberi perhatian kepada penyemakan dari rumah ke rumah, tetapi juga berada di tempat-tempat yang tertentu pada masa-masa yang tertentu.
- (c) Suruhanjaya Pilihanraya menyambut baik kerjasama parti-parti politik di dalam gerakan ini, terutama sekali di atas peranan mereka bagi:
 - (i) menasihatkan orang-orang yang layak memohon untuk mendaftar diri sebagai pengundi atau membawa mereka kepada Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran;
 - (ii) memberitahu Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran semasa lawatan mereka tentang orang-orang yang hendak berdaftar; dan
 - (iii) menjadi saksi kepada mereka yang memohon untuk didaftarkan.
- (d) Suruhanjaya Pilihanraya telah melantik seorang Penolong Pegawai Pendaftaran bagi tiap-tiap satu kawasan yang mempunyai lebih kurang 700-1,000 pengundi-pengundi yang berdaftar. Bagi daerah-daerah yang luas, beberapa orang Penolong Pegawai Pendaftaran adalah dilantik. Oleh itu, soal Pusat-pusat Pendaftaran yang jauh daripada tempat kediaman pengundi-pengundi tidaklah timbul.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN REPUBLIK RAKYAT CINA

33. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa terdapat kelewatan di dalam menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina.

Tengku Ahmad Rithandeen Al-Haj: Saya tidak faham, Tuan Yang di Pertua, apakah Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan perkataan "kelewatan". Sebagaimana yang telah diterangkan kepada Dewan ini, Kerajaan sedia menimbangkan penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina di dalam konteks perkecualian kawasan Asia Tenggara.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 34 adalah diberi di bawah ini).

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

34. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau bersedia menubuhkan perhubungan diplomatik dengan negeri Cina, di atas asas yang sama seperti negeri Cina dan negeri Jepun menubuhkan perhubungan diplomatik baru-baru ini, iaitu saling hormat-menghormati kedaulatan dan tidak campur tangan di dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato Hussein): Dalam jawapan kepada soalan-soalan dalam Dewan ini dahulu, saya telah terangkan pendirian kita mengenai perhubungan diplomatik dengan Cina dan saya tidak ada apa-apa untuk ditambah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Rancangan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Disember, 1972)

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah. "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan. (19hb Disember, 1972)

Perbahasan disambung semula.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali lebih kurang 10 orang yang telah bercakap menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian saya dan saya akan memberikan penerangan seberapa ringkas yang boleh sebagai memberi penerangan dan penjelasan mengenai soalan yang telah dikemukakan.

Pertama sekali, soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Ibusawat Talipon Antarabangsa di Kuala Lumpur yang mengandungi 20 switch board adalah di-kendali selama 24 jam tiap-tiap hari termasuk hari Ahad dengan Hari Kelepasan Am iaitu sebagaimana juga Perkhidmatan Talikom di negara lain.

Perkhidmatan Talikom Luar Negeri tidak pernah diberhentikan pada bila-bila masa pun melainkan kalau Ahli Yang Berhormat itu menggunakan talipon kebetulan masa itu cuaca kurang baik tak dapat capak terang, itu kita tangguhkan 5-10 minit kemudian kita sambung balik.

Mengikut penyiasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Talikom, pada kebiasaannya tidak ada kelewatan bagi panggilan dari

Ibusawat di Sungai Siput iaitu kita ada circuit atau perhubungan yang disediakan antara Ipoh dengan Sungai Siput adalah mencukupi dan memberi perkhidmatan yang memuaskan. Sekiranya ada kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh nombor yang dikehendaki itu selalu dipakai. Walau bagaimanapun untuk memperbaiki lagi perkhidmatan antara kedua-dua ibusawat itu satu cross bar exchange yang mengandungi 400 talian sedang dirancang dan dijangka akan dipasang pada tahun 1974. Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan panggilan terus-menerus iaitu Subscriber Trunk Dialing.

Bagi menerangkan berkenaan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara satu sistem micro-wave 960 channel yang baru di antara Kuala Lumpur dan Johor Bahru baru saja disiapkan. Oleh yang demikian talian-talian untuk panggilan jauh dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru akan dibekalkan pada awal tahun 1973.

Menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, kerosakan-kerosakan yang berlaku semasa hujan lebat bukan disebabkan oleh perkhidmatan kurang baik, akan tetapi disebabkan oleh pokok-pokok kayu, dahan-dahan dan pokok besar pun tumbang atas dawai-dawai talipon dan juga apabila banjir berlaku setengah-setengah exchange pula tenggelam. Maka wire-wire itu basah tak boleh digunakan, tetapi seberapa daya-upaya pegawai-pegawai dan kakitangan pergi ke tempat-tempat itu membaiki dengan seberapa segera yang boleh, kerana kejadian itu adalah luar daripada kawalan Kementerian Perhubungan.

Bagi menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau itu telahpun dijalankan oleh Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu mulai daripada 3hb Januari, 1972.

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah mengadakan keretapi tambahan bagi penumpang-penumpang Kelas III di antara Kuala Lumpur dan Butterworth.

Keretapi ini berlepas dari Butterworth dan Kuala Lumpur pada pukul 8 malam dan adalah tambahan kepada express mail malam yang berlepas dari Kuala Lumpur pada pukul 9.15 malam dan dari Butterworth pukul 9.05 malam.

Perkhidmatan tambahan ini akan di teruskan sehingga 2hb Januari, 1973 apabila penggal percutian sekolah tamat. Adalah dimaklumkan bahawa perkhidmatan tambahan yang tersebut bagi Kelas III dari Kuala Lumpur ke Butterworth adalah diadakan pada tiap-tiap penggal cuti sekolah dan kemudahan ini akan diteruskan juga pada masa-masa yang akan datang.

Begitu juga bagi memberi penerangan kepada wakil Yang Berhormat dari Parit ada mengatakan cara umum iaitu Pegawai Keretapi mengambil rasuah menyebabkan perkhidmatan keretapi rugi. Kalau ada keterangan-keterangan, saya harap Yang Berhormat itu akan berhubung terus dengan Badan Pencegah Rasuah, tetapi tidaklah hanya dilaung-laung di Dewan yang bertuah ini kerana tidak akan memberi bekas dan saya sedia akan bekerjasama dengan beliau kalau ada keterangan-keterangan yang penuh, tetapi jangan dilemparkan dengan cara yang umum sahaja.

Begitu juga daripada pihak Yang Berhormat dari Betong, Sarawak, Kerajaan sentiasa memperbaiki semua jenis pelabuhan-pelabuhan, samada kecil dan besar di Sarawak di mana ada sungai-sungai yang besar yang menjadi satu jenis perhubungan yang penting di negeri itu. Sebagaimana Yang Berhormat termaklum dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971/1975) peruntukan berjumlah \$37,560,000 telah diuntukkan untuk kemajuan pelabuhan-pelabuhan negeri Sarawak. Ini adalah meliputi Pelabuhan-pelabuhan Sibul, Kuching, Kapit, pelabuhan-pelabuhan, dermaga-dermaga kecil di Sarawak, Mukah dan Riverwall, dermaga Lingka dan juga dermaga Sarikei dan lain-lain pelabuhan. Dan kalau Yang Berhormat itu ada lagi yang ketinggalan tolonglah berhubung kepada saya supaya disiasat dan kita, kalau ada kewangan, patut perbaiki pelabuhan yang kita kehendaki itu.

Begitu juga kerajaan telahpun ada rancangan tegas bagi menambah perkhidmatan perkapalan tempatan di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Syarikat Perkapalan Kebangsaan (M.I.S.C.) sedang menyiapkan satu rancangan bagi perkhidmatan ini dan akan melaksanakannya tidak berapa lama lagi dengan tujuan hendak memberi perkhidmatan perkapalan tempatan yang cukup dan dengan tambang yang berpatutan.

Pada masa ini M.I.S.C. telahpun ada sebuah kapal bernama "Bunga Kemuning" yang berjalan di antara Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang dan Sarawak. Syarikat M.I.S.C. sedang merancang untuk membeli sebuah atau dua buah lagi kapal di dalam sedikit masa lagi. Perkhidmatan-perkhidmatan tambahan ke pelabuhan-pelabuhan di Sarawak bolehlah diadakan apabila kapal-kapal tambahan ini diperolehi nanti.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga ada membuat soalan-soalan. Salah satu daripada perkara yang ditimbulkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan semasa menimbangkan permohonan lesen teksi dan kereta sewa adalah pemohon sememangnya bekerja sebagai pemandu teksi dan kereta sewa pada masa permohonannya ditimbangkan. Walaupun demikian, beberapa permohonan daripada pemandu-pemandu teksi tidak dapat diluluskan oleh kerana mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang lain yang ditetapkan. Satu daripada syarat lain yang penting yang diperlukan ialah bahawa pemohon itu sesungguhnya mestilah tinggal dipengkalan yang teksi itu akan dikeluarkan. Kementerian saya sememangnya sedar dan mengambil perhatian berat tentang adanya lesen-lesen teksi dan kereta sewa yang telah dialibabakan dan beberapa pemegang lesen teksi dan kereta sewa yang telah disiasat dan betul keterangan-keterangan yang penuh, maka permit-permit atau surat-surat kebenaran telahpun dibatalkan oleh sebab kesalahan itu. Bukti-bukti yang benar dan tepat adalah yang saya katakan tadi adalah dikehendaki sebelum tindakan seperti itu diambil dan Ahli Yang Berhormat adalah diminta berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan sekiranya Yang Berhormat ini tahu di mana-mana ada sesiapa yang mengalibabakan, kita akan siasat perkara ini.

Begitu juga berkenaan teksi di Taiping, Kementerian saya telah juga bersetuju untuk menambah lima buah lesen teksi di Taiping yang akan dibenarkan berjalan di kawasan Majlis Bandaran Taiping, Aulong dan Kampung Baharu, Pokok Asam. Sebagaimana biasa tambahan-tambahan lesen yang diluluskan itu akan diistiharkan dan mereka yang layak bolehlah membuat permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen teksi itu. Terpulanglah kepada pemohon-pemohon samada hendak memohon secara persendirian

atau bersyarikat. Sebagai menampung keperluan-keperluan pengangkutan di kawasan Taiping, langkah-langkah untuk mengatasi perkhidmatan penumpang-penumpang yang bekerja di kawasan perindustrian Kemuning juga telah diambil dengan meluluskan 4 buah bas tambahan yang berulang-alek daripada Taiping ke kawasan tersebut sehingga 11.05 malam.

Kementerian saya adalah sedar tentang perkara ini dan akan menyiasat masaalah kekurangan perkhidmatan bas di Kampung Pandan dan meminta supaya syarikat bas yang berkenaan menambah perkhidmatannya terutama sekali pada waktu pagi.

Begitu juga berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Wakil dari Miri—Subis berkenaan dengan membesarkan lapangan terbang. Keadaan lalu-lintas (volume of traffic) di lapangan terbang Limbang sentiasa diperhatikan dan pembangunan selanjutnya akan dipertimbangkan bergantung kepada perkembangan lalulintas di sana nanti.

Yang Berhormat daripada Bukit Bintang juga membawa pandangan berkenaan dengan kenapa tidak menggunakan kapalterbang 707. Tetapi kapalterbang jenis 737-200 adalah lebih sesuai dari jenis 707 yang mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan MAS masa sekarang ini dan kemudahan-kemudahan yang ada pada masa ini. Dari segi kewangan juga penyelenggaraan (maintenance) jenis 707 melibatkan perbelanjaan yang lebih banyak. Apabila perkhidmatan MAS ini akan dilanjutkan atau dikembangkan, MAS sedang menimbangkan akan juga menggunakan jentera jet 707 ini. Makanan yang dihidangkan semasa perjalanan kapalterbang adalah dibekalkan dari dapur MAS di Subang bagi penerbangan-penerbangan yang berasal dari Kuala Lumpur. Bagi penerbangan-penerbangan yang berasal dari tempat-tempat yang lain yang jauh seperti Bangkok, Hongkong dan Singapura, makanan adalah diperolehi dari tempat-tempat itu. Ini adalah mengikut amalan semua syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa. Sebabnya adalah tidak menasabah bagi MAS mengangkut makanan umpamanya dari Kuala Lumpur ke Hongkong untuk dihidangkan perjalanan balik dari Hongkong ke Kuala Lumpur. Ini akan memberatkan dan akan mengurangkan

pendapatan load dan mengurangkan passengers lagi.

Yang Berhormat dari Mukah membangkitkan berkenaan dengan soal perkhidmatan udara di luar bandar (rural air services) adalah sentiasa diawasi oleh Kementerian saya termasuklah perkhidmatan di antara Sibu dan Mukah dan akan dikaji dari masa ke semasa memandangkan keadaan lalu-lintas. Sekiranya kurang kapalterbang dan banyak passengers akan ditimbangkan dan masanya dibanyakkan kali kapalterbang itu terbang ke situ.

Akhir sekali Yang Berhormat dari Tanjung menanyakan bilakah lapangan terbang Pulau Pinang ini akan dimulakan. Kementerian saya telah menjemput 7 firma pakar-pakar perunding (consultant firms) untuk mengemukakan lapuran-lapuran dan syor-syor mereka atas perkara ini dan syor-syor itu akan diterima sebelum 30hb Disember, 1972. Selepas dikaji maka syor-syor yang diterima akan dapat dilaksanakan dan dimulakan kerja lapangan terbang Pulau Pinang itu. Terima kasih.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran-teguran serta pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada beberapa hari yang lalu atas beberapa perkara yang berkenaan dengan Kementerian saya. Segala teguran serta pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil ingatan serta ditimbangkan dengan cermatnya supaya dapat menjadi panduan Kementerian saya pada masa-masa yang akan datang. Walau bagaimanapun saya tidaklah pula dapat berjanji di sini bahawa semua teguran-teguran ataupun permohonan itu akan dapat Kementerian saya laksanakan dengan semuanya dengan serta-merta, kerana masaalah-masaalah teknik dan bukan teknik yang sedang Kementerian saya hadapi.

Tuan Yang di Pertua, mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara di atas pembinaan jambatan di luar bandar, saya sukalah mengulang sekali lagi apa yang saya telah sebutkan di Dewan ini beberapa hari yang lalu tatkala menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan.

Memanglah menjadi polisi Kerajaan untuk menggantikan semua perkhidmatan-perkhidmatan feri dengan jambatan-jambatan tetap serta membaiki jambatan-jambatan yang sudah tidak sesuai dengan kehendak lalu-lintas pada masa ini. Tetapi dalam melaksanakan tugas-tugas ini kita juga mesti ingat bahawa kita terikat pada faktor kewangan dan tenaga-tenaga pakar yang terhad, untuk mencapai kehendak-kehendak serta objektif-objektif kita itu melalui faktor-faktor kita yang terhad tadi terpaksa pula faktor-faktor dan punca-punca tadi digunakan dengan sebaik-baiknya supaya dapat digunakan dengan cara yang menguntungkan.

Oleh yang demikian pembinaan jambatan-jambatan tadi baik projek yang besar mahupun yang di luar bandar perlulah dilaksanakan seperti yang saya sebutkan selalu iaitu mengikut keutamaannya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya suka menyatakan di sini bahawa hal penyerapan ke jawatan-jawatan tetap bagi pekerja-pekerja sementara memanglah sentiasa dijalankan dalam Jabatan Kerjaraya. Juruteknik tersebut akan dapat diserapkan ke jawatan tetap mengikut kekosongan yang terdapat dalam Jabatan tersebut. Oleh sebab jawatan-jawatan yang kosong yang ada hanya terhad, maka proses penyerapan itu juga terpaksa dilakukan secara beransur-ansur. Saya percaya bahawa satu masa kelak Juru-juruteknik itu akan dapat diserapkan kesemuanya ke jawatan yang tetap.

Ahli Yang Berhormat dari Malaysia Timur terutama dari Sarawak ada menyebutkan beberapa perkara tentang pembinaan jalan-jalan di kampung-kampung. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya hanya bertanggungjawab di atas pembinaan jalan-jalanraya besar sahaja (major trunk roads). Usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk menyambung Bahagian-bahagian di Sarawak dengan satu sistem jalanraya yang memuaskan, tetapi ini sudah tentulah akan mengambil masa. Mengenai pembinaan jalan-jalanraya kecil (feeder roads) pula, ada terletak di bawah Kerajaan Negeri yang akan menentukan cara-cara pelaksanaannya. Oleh yang demikian, saya harap kepada Ahli Yang Berhormat berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri jika sekiranya jalan-jalan tersebut

merupakan jalan-jalan kecil. Sekian, terima kasih.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan untuk memberi jawapan dan penjelasan terhadap dua tiga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perkara-perkara yang melibati Kementerian saya.

Menyentuh tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat mengenai adanya kenyataan-kenyataan yang bercanggah di antara pemimpin-pemimpin UMNO tentang kebudayaan kebangsaan, saya ingin, Tuan Yang di Pertua, memberi serba sedikit penjelasan bukan sahaja untuk menjawab tuduhan perkataan yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahkan juga untuk memberi serba sedikit penjelasan tentang pendirian Kerajaan dan Kementerian terhadap Kebudayaan Kebangsaan yang sangat diperbincangkan pada masa ini.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa sebenarnya tidak dapat sebarang per-canggahan di antara kenyataan-kenyataan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebaliknya Ahli Yang Berhormat itu sendiri nampaknya tidak memahami ataupun tidak mahu memahami apa yang dimaksudkan dengan kenyataan-kenyataan tersebut. Biarlah saya jelaskan kepada beliau, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang-orang seperti Ahli Yang Berhormat atas hal ini supaya tidak lagi timbul salah faham atasnya.

Adalah benar iaitu Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri pernah menyatakan pada 2 haribulan November bahawa Kebudayaan Kebangsaan tidaklah seharusnya Kebudayaan Melayu. Tetapi bukan itu sahaja yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri pada hari itu, beliau juga menyatakan bahawa sesungguhnya Kebudayaan Kebangsaan hendaklah sebagaimana kata beliau "native to the soil" atau hendaklah berteraskan kepada kebudayaan bumiputra. Hal ini adalah dilaporkan oleh beberapa akhbar-akhbar tempatan yang mana nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca ataupun tidak mahu menyebutkan di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat itu sayugia juga memahami bahawa apabila kita telah mempunyai satu Kebudayaan Kebangsaan maka Kebudayaan Kebangsaan itu adalah hak kepunyaan semua warganegara Malaysia dan ianya bukan lagi kepunyaan satu-satu kaum samada Cina, India ataupun Melayu. Seperti juga perkara mengenai bahasa kita tahu iaitu bahasa Melayu sekarang ini dijadikan bahasa Malaysia, maka itu bahasa Melayu bukan lagi menjadi hak pusaka orang Melayu sahaja, tetapi ianya juga adalah kepunyaan warganegara Malaysia seluruhnya.

Dalam usaha kita mengujudkan satu Kebudayaan Kebangsaan, kita harus mempunyai satu permulaan. Satu Kebudayaan Kebangsaan yang hendak kita cipta itu tidak dapat, rasa saya, kita ambil secara sebarangan sahaja. Kita juga harus sedar iaitu Kebudayaan Kebangsaan yang hendak kita ciptakan itu haruslah permulaan dari tanahair kita ataupun yang sudah berkembang dengan akar umbi di negara kita sendiri. Dengan kata-kata yang lain ia mestilah sebagaimana dikatakan oleh Perdana Menteri, "native to the soil" dan "home grown".

Dalam mencari permulaan itu, kebudayaan yang paling rasa saya native to the soil ialah kebudayaan bumiputra, kerana ialah permulaan yang paling sesuai, yang paling tidak asing dan sudah mempunyai tapak di Malaysia.

Dengan penjelasan yang kenyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemuda UMNO tidak, rasa saya bercanggah dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kerana apa yang disentuh oleh kenyataan pergerakan itu adalah berkenaan dengan teras Kebudayaan Kebangsaan.

Perkataan kebudayaan Melayu di sini digunakan dengan cara yang luas yang merangkumi segala unsur-unsur kebudayaan yang indigenous. Pengertian istilah ini telah juga dipersetujui oleh pakar-pakar kebudayaan Melayu dari seluruh dunia dalam satu persidangan antarabangsa di Kuala Lumpur mengenai perkara yang sama dalam bulan Januari tahun ini di mana istilah kebudayaan Melayu merangkumi satu rumpun kebudayaan rantau ini yang luas yang juga terdapat di dalam beberapa negara-negara yang lain.

Untuk lebih-lebih menjelaskan kedudukan ini, Ahli Yang Berhormat itu haruslah memahami perbezaan di antara permulaan ataupun teras dengan apa yang kelak diharapkan akan diujudkan iaitu di antara apa yang sedang dilakukan sekarang dan apa yang nanti menjadi hasilnya kelak.

Menyentuh pula tentang apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri pada 1 haribulan Disember, 1972 dan juga yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat di Upacara Perasmian Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara, sekali lagi saya berasa amat dukacita yang Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca ucapan itu secara yang menyeluruh dan teliti.

Ucapan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri itu amat jelas rasa saya, dan amat mudah difahami kerana di situ beliau menyatakan bahawa kita harus mempunyai satu Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kepada sejarah kita sendiri dan atas keadaan hidup yang ada pada kita hari ini. Beliau menjelaskan bahawa Malaysia mempunyai kedudukan yang agak unique kerana ianya merupakan satu tempat di mana beberapa kebudayaan-kebudayaan dunia berjumpa. Keadaan yang demikian itu tidak bermakna bahawa kita tidak mempunyai keperibadian kita sendiri. Sesungguhnya keperibadian yang sudah ada pada kita dapat terus kita majukan dan unsur-unsur kebudayaan lain yang mendatang itu boleh, rasa saya, memainkan peranan memperkaya dan memperkokohkan kebudayaan asli masyarakat kita.

Secara yang tegas beliau terangkan dalam ucapan itu bahawa kita tidak mempunyai sikap yang perisma mengenai perkembangan kebudayaan, kerana kebudayaan yang hidup subur adalah kebudayaan yang dinamis dan ianya sentiasa menjalani perubahan-perubahan mengikut keadaan masa dan kehendak masyarakat. Dan dalam perkembangan satu-satu kebudayaan itu, maka unsur-unsur kebudayaan yang lain yang sesuai yang secukup dengan cara hidup dan keperibadian kita serta tradisi dan sejarah nasib negara kita boleh dan akan diterima sebagai Kebudayaan Kebangsaan kita. Dalam mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberi segala

sumbangan ke arah memperkayakan kebudayaan kita itu dengan tidak menekankan polarisasi bangsa dan dengan wujudnya satu Kebudayaan Kebangsaan nanti adalah diharapkan bahawa perpaduan negara dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi.

Menyentuh tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan mengenai Kementerian kerana menggunakan jentera lama jenis Vauxhall untuk melatih belia-belia di Merlimau, Melaka dan jentera jenis lama dan jenteranya—selain daripada jentera lama rumah tempat latihan itu hanya sebuah bangsal buruk. Saya suka lah menjelaskan di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa Pusat Latihan ini adalah satu Pusat Latihan diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Melaka yang mengeluarkan wang bantuan pendahuluan sebanyak \$4,000 dengan tujuan semata-mata untuk menarik minat-minat belia di dalam bidang latihan meknik dan tidak bolehlah latihan ini disifatkan sebagai satu latihan untuk memberi pengajaran ataupun latihan-latihan yang mendalam di dalam perkara meknik ini.

Kelas-kelas diadakan cuma dua kali seminggu dan dibantu oleh seorang meknik tempatan yang menerima elaun—bayaran elaun yang tertentu dengan harapan bahawa selepas belia yang diberi latihan di sana mempunyai minat di dalam bidang ini mereka akan dapat dihantar ke tempat tempat yang lain di mana mereka boleh menyambungkan latihan yang telah diperolehi di Pusat Latihan itu.

Menyentuh berkenaan dengan perkara dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat berkenaan dengan perlunya diadakan satu unit perubatan sukan. Saya suka lah mengatakan bahawa unit perubatan sukan ini telah ditubuhkan dalam tahun 1971 semasa penyusunan semula Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan. Tujuan ditubuhkan untuk tersebut ialah untuk mengawal bagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat mengawal kesihatan tubuh badan olahragawan dan olahragawati kebangsaan mengadakan kemudahan-kemudahan perubatan di dalam pertandingan-pertandingan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Buat masa ini Kementerian saya belum lagi dapat memenuhi jawatan-jawatan penting di dalam unit tersebut dalam mana diperlukan dua orang Pegawai Perubatan

Sukan. Tetapi walaubagaimanapun adalah diharapkan Kementerian Kesihatan dapat menyediakan dua orang doktor yang dikehendaki itu secara secondment ataupun pinjam kepada Kementerian saya tidak lama lagi. Jadi tanpa kakitangan yang berkelayakan buat masa ini peranan unit ini telah dijalankan oleh Majlis Perundingan Perubatan Sukan yang diketuai oleh Ketua Pengarah Perubatan Kementerian Kesihatan. Badan ini yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan tempatan yang ada hubungan dengan perubatan sukan juga menjadi Badan Penasihat kepada Majlis Sukan Negara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu satu seminar perubatan sukan telah diadakan dalam bulan Oktober yang lalu untuk membaharui pengetahuan jurulatih-jurulatih kebangsaan kita, setiausaha-setiausaha dan kakitangan teknik berhubung dengan peranan sukan di dalam latihan dan tunjuk ajar perkara ini.

Penal-penal Penasihat sedang ditubuhkan oleh tiap-tiap Kesatuan Kebangsaan untuk mendapatkan khidmat dan pertolongan doktor-doktor di dalam menjalankan kursus-kursus tunjuk ajar.

Rancangan untuk mengadakan penal-penal yang serupa itu diperingkat negeri sedang sekarang ini diusahakan.

Saya harap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan jelas tentang kedudukan yang sebenarnya yang sedang diusahakan oleh Kementerian ini di dalam bidang perubatan sukan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang telah membahaskan di Dewan ini beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya.

Saya, Tuan Yang di Pertua, akan memberi sedikit penjelasan atau jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, beliau mengatakan gaji jururawat disamakan dengan gaji pembantu hospital. Tuan Yang di Pertua, masalah tuntutan bagi pegawai-pegawai Kerajaan telahpun diselesaikan selepas Lapuran Suffian diterima oleh Kerajaan dan telahpun dilaksanakan. Pelaksanaan Gaji Suffian hanya baharu

sahaja dilaksanakan. Oleh yang demikian kesan-kesan kemaknaan belum dapat ditinjau dengan sepenuhnya. Walaubagaimanapun Kementerian saya sedang mengkaji, berbincang dengan pelaksanaan Gaji Suffian.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Seremban Barat telah membangkitkan soalan berkenaan dengan mengisab rokok, dan beliau telah mendesak supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk memberhentikan iklan-iklan mengisab rokok.

Tuan Yang di Pertua, perkara larangan ke atas iklan-iklan berhubung dengan merokok telah dikaji oleh Kementerian saya dengan mendalam tetapi keputusan masih belum dapat dibuat ini ialah kerana masaalah itu perlu dikaji dari beberapa aspek.

Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak telah membangkitkan soal mengenai kekurangan hospital di Sarawak dan beliau telah mendesak Kementerian saya supaya mendirikan lebih banyak Hospital-hospital Daerah di Sarawak untuk menampung bilangan penduduk kian bertambah. Tuan Yang di Pertua, tidaklah tepat bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa terdapat kekurangan hospital-hospital di Sarawak. Pada masa ini ada tiga buah hospital-hospital besar dan 8 buah Hospital-hospital Daerah di Sarawak.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kementerian Kesihatan akan membina sebuah hospital di Limbang untuk menggantikan hospital yang lama dan juga sebuah hospital baharu di Sirian.

Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh telah membangkitkan soalan nyamok di hospital-hospital seolah-olah bahawa di hospital-hospital sahaja terdapat nyamok dan hanya pakar-pakar luar negeri sahaja yang dapat menyelesaikan masaalah ini.

Walaubagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada masaalah bertambah nyamok-nyamok ini di kawasan-kawasan bandar berikutan dengan pengenalan "modern water-borne sanitary conveyances". Walaubagaimanapun Kementerian saya sedang mengkaji masaalah ini dan kini telahpun mengenalkan suatu "design" baru di dalam pembinaan "Sewerage tanks" yang akan dapat mengurangkan tempat-tempat pembiakkan nyamok-nyamok. Satu

Akta "Building and Drainage" telah dicadangkan dan pertimbangkan yang mana mengandungi tujuan-tujuan yang telah disebutkan di atas bertujuan mengawal pembiakkan nyamok-nyamok.

Ahli Yang Berhormat daripada Limbang-Lawas telah membangkitkan pertanyaan mengenai rancangan-rancangan seperti pembangunan General Hospital di Limbang boleh dikatakan belum dibuat lagi.

Tuan Yang di Pertua, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat Kementerian saya memberi keutamaan yang tinggi kepada pembinaan sebuah hospital baru di Limbang untuk menggantikan hospital yang lama. Projek ini dijadualkan perlaksanaannya dalam tahun 1973. Tindakan telahpun diambil awal tahun ini untuk mendapatkan tapak yang sesuai dan wang berjumlah \$155,000 telah diperuntukkan kepada "Land and Surveys, Sarawak" supaya dapat bertolak ansor dengan tuan-tuan punya tanah itu. Kementerian saya telah diberitahu bahawa "Land and Surveys, Sarawak," telah menghadapi beberapa kesulitan untuk mendapatkan tapak itu dan kini sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan tapak itu pada awal tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah meminta Kementerian saya mengambil perhatian bahawa Kementerian ini belum lagi dapat menyelesaikan masaalah yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar walaupun perkara itu sebenarnya sudah berkali-kali Menteri Kesihatan menyatakan bahawa perkara tersebut telah diambil tindakan dan telah dapat diselesaikan.

Ahli Yang Berhormat itu juga memberi contoh yang Kementerian ini belum lagi dapat menyelesaikan masaalah berhubung dengan penyakit berjangkit di dalam negara ini. Contohnya batuk kering, malaria, kepialu dan kusta.

Penyakit-penyakit Berjangkit

Tuan Yang di Pertua, masaalah penyakit-penyakit berjangkit di kawasan-kawasan luar bandar sedang diselenggarakan oleh Kementerian saya dengan mendapat hasil-hasil yang baik, tetapi ini akan mengambil masa untuk membasmi semua penyakit-penyakit itu. Kejadian penyakit Batuk Kering telah dikurangkan bilangannya kepada setengah,

dari 139 tiap-tiap 100,000 penduduk dalam tahun 1961 kepada 70.5 tiap-tiap 100,000 penduduk dalam tahun 1971. Penyakit Malaria telah dikurangkan bilangannya dengan banyaknya di kawasan-kawasan di mana Kempen Membasmi Malaria dijalankan dalam masa 2 tahun atau lebih.

Kempen mencegah penyakit taun yang dijalankan baharu-baharu ini telah berjaya, dan kami telah dapat mengistiharkan Malaysia Barat bebas dari penyakit taun pada 30hb November 1972. Berhubung dengan penyakit Kusta, Kementerian saya telah menubuhkan 17 buah Klinik Kulit di seluruh negara dan 6 buah lagi klinik seperti itu akan dibina dalam tahun 1973 guna untuk memusatkan semua kemudahan-kemudahan rawatan bagi pesakit-pesakit. Hanya 300 kes baharu dikesan dalam masa setahun, dan saya mempunyai keyakinan bahawa angka ini akan dikurangkan lagi bilangannya. Rancangan-rancangan Kawalan menentang lain-lain penyakit berjangkit seperti puru, penyakit kerongkong, dan lumpuh telah mendapat hasil-hasil yang memuaskan.

Sukacita saya menyebutkan bahawa jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan juga beberapa agen-agen sukarela, telah memberikan kerjasama yang penuh dalam usaha-usaha Kementerian saya melaksanakan berbagai rancangan mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Bekalan Air Paip

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan soalan mengadakan bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar, Kementerian saya bersetuju sepenuhnya dengan cadangan itu dan berharap semua kawasan-kawasan luar bandar pada akhirnya nanti akan dibekalkan dengan bekalan air oleh Jabatan Kerja Raya. Walaubagaimanapun, secepat mana bekalan itu dapat diadakan oleh Jabatan Kerja Raya bergantung kepada peruntukan kewangan.

Mengenai kemungkinan air-air perigi dicemari oleh kuman-kuman taun, saya menyebutkan bahawa Kementerian saya sedar akan perkara ini. Satu kempen Pelajaran Kesihatan sudahpun dijalankan baharu-baharu ini untuk menasihatkan penduduk luar bandar memasak semua air minuman tak kira samada air itu didapati

dari perigi atau dari mana-mana punca seperti sungai-sungai, dan alur-alur. Sebagai langkah tambahan beringat, perigi-perigi telah dibubuh ubat kelorin, dan di dalam masa 8 bulan yang sudah, sebanyak 128, 160 perigi-perigi telah dibubuh ubat kelorin.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat Miri-Subis telah bermohon supaya disediakan sebuah "Kidney Machine" di hospital Besar Kuching. Pada masa ini tidaklah dapat dipertimbangkan lagi sekiranya seperti itu oleh kerana sekumpulan doktor-doktor dan kakitangan-kakitangan para-medical yang terlatih adalah diperlukan di dalam penggunaan "Kidney Machine" ini. Kita masih lagi belum mempunyai kakitangan-kakitangan yang terlatih itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu telah menyatakan bahawa dalam tempoh 10 tahun, penduduk Sibu kian bertambah, tetapi tidak ada apa-apa perubahan atau pun pembaikan kepada kemudahan-kemudahan perubatan. Beliau telah bertanya bilakah sebuah hospital baru akan dibina di Sibu.

Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mendirikan sebuah hospital moden di sebuah tapak yang baharu sebagai menggantikan hospital yang ada di Sibu sekarang. Kementerian saya telah juga mendapatkan bantuan daripada seorang Pakar Kesatuan Kesihatan Sedunia di atas perkara ini dan lapuran beliau kini sedang dikaji.

Tuan Yang di Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara saya suka menegaskan di sini bahawa Kementerian saya cukup sedar peri mustahaknya pentadbiran yang baik di hospital-hospital. Oleh sebab itu, langkah-langkah adalah sentiasa diambil oleh Kementerian saya untuk mempertahankan mutu pentadbiran yang baik yang didapati pada masa sekarang di hospital-hospital di negara ini; dan juga untuk meningkatkannya lagi. Tetapi ini hanya boleh dicapai sekiranya orang-orang ramai, terutama sekali, pesakit-pesakit, saudara mara mereka, dan pelawat-pelawat ke hospital memberi kerjasama yang penuh kepada pihak-pihak hospital.

Berkaitan dengan contoh-contoh yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya

suka memberi penerangan-penerangan seperti berikut:

Contoh No. 1

Ini ialah berkenaan anak perempuan Ahli Yang Berhormat sendiri. Seorang pesakit bernama Cik Roshina binti Hashim, berumur 23 tahun, iaitu anak perempuan kepada Ahli Yang Berhormat sendiri, telah diperiksa oleh seorang Pakar Perubatan di Klinik Sakit Jantung di Hospital Besar, Pulau Pinang dalam bulan April, 1972. Pada 20hb April, tahun ini Pakar Perubatan ini telah menghantar sepucuk surat kepada seorang Doktor Pakar di Hospital Universiti, Kuala Lumpur, meminta supaya pemeriksaan dan penyelidikan yang lebih lanjut termasuk satu kajian yang dipanggil "Cardiac Catheterization" dibuat ke atas pesakit sebelum ketetapan yang lebih lanjut diambil berkenaan rawatan pesakit.

Pada 10hb Mei, 1972, Doktor Pakar di Hospital Universiti telah memberi jawapan kepada Hospital Besar, Pulau Pinang bahawa Cik Roshina binti Hashim boleh dimasukkan ke Hospital Universiti pada 10hb Jun tahun ini untuk "Cardiac Catheterization" dibuat pada 13hb Jun tahun ini.

Pada 13hb Jun, 1972 setelah "Cardiac Catheterization" dibuat di Hospital Universiti, Doktor Pakar di Hospital itu telah menghantar kepada Pakar Perubatan di Hospital Besar, Pulau Pinang satu laporan di atas hasil-hasil pemeriksaan dan kajian-kajian yang telah dibuat.

Daripada butir-butir yang saya sebutkan di atas, saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu tidak ada keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa pentadbiran di Hospital Besar, Pulau Pinang itu buruk atau pun cuai; dan tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa perhubungan di antara Hospital Besar Pulau Pinang dengan Hospital Universiti itu kurang baik. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat iaitu Hospital Universiti bukan di bawah portfolio saya.

Contoh No. 2

Ini ialah berkaitan dengan kematian Allah Yaraham Ahli Yang Berhormat Senator Hanafiah. Allah Yaraham Senator Hanafiah telah dibawa ke Hospital Besar, Kuala

Lumpur dalam keadaan pengsan oleh kereta Ambulan jam 1.30 petang pada 30hb Oktober, tahun ini. Beliau telah diberi layanan dengan sertamerta dan telah dimasukkan ke dalam wad 5 minit kemudian.

Seorang doktor ada bertugas di dalam wad semasa beliau dimasukkan ke dalam wad. Doktor ini, dengan serta-merta, telah membuat pemeriksaan yang lengkap ke atas beliau; dan telah mendapati bahawa Allah Yaraham Yang Berhormat telah mengidapi satu Pecahan saluran darah di otaknya disebabkan oleh tekanan darah yang tinggi. Rawatan yang sesuai telah diberi. Seterusnya doktor yang berkenaan telah segera menghubungi seorang doktor di Jabatan Belah Otak supaya pemeriksaan dan rawatan yang lebih lanjut boleh dibuat.

Doktor dari Jabatan Belah Otak telah memeriksa pesakit jam 4.15 petang pada hari yang sama. Setelah kajian-kajian dibuat, adalah disahkan iaitu pesakit telah mengidap Pecahan Saluran darah diotaknya. Kedua-dua orang doktor ini telah memberi segala rawatan-rawatan yang harus dibuat kepada pesakit. Jam 10.00 malam pada hari yang sama, kedua-dua doktor ini telah lagi sekali memeriksa dan merawat pesakit.

Walaupun segala langkah-langkah yang patut diambil telah dibuat malangnya, Ahli Yang Berhormat telah meninggal dunia jam 11.20 malam pada 30hb Oktober, 1972.

Di sini, saya suka menyatakan iaitu pada masa beliau dibawa ke hospital, beliau ada satu beg atau "Brief Case" yang berkunci. Pada masa itu tidak ada sesuatu cara untuk mengenali beliau, alamat rumahnya dan juga saudara maranya. Setelah beliau meninggal dunia "Brief Case" itu telah dibuka, dan sertamerta tindakan diambil untuk menghubungi saudara-maranya. Saudara-mara Allah Yaraham telah diberi tahu berkenaan hal ini jam 9.15 pagi pada 31hb Oktober, 1972.

Di sini, saya suka menerangkan iaitu dari waktu Allah Yaraham di bawa ke hospital jam 1.30 petang pada 30hb Oktober, 1972 sehingga beliau meninggal dunia jam 11.20 malam di hari yang sama, Allah Yaraham telah diperiksa dan dirawati oleh doktor sekurang-sekurangnya tiga kali; dan sekurang-sekurangnya pada 2 waktu, beliau telah diperiksa dan dirawati oleh 2 orang doktor serentak.

Daripada butir-butir yang saya terangkan, lagi sekali saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu segala rawatan-rawatan yang patut dan sesuai telah diberi kepada Allah Yarham. Seterusnya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa pentadbiran di hospital yang berkenaan itu buruk dan cuai.

Contoh 3

Tuan Yang di Pertua, ini ialah berkaitan dengan gambar-gambar Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital. Sebelum tahun 1969, Ahli-ahli Jemaah Pelawat Hospital adalah diistiharkan dalam *Warta Kerajaan* setahun sekali, tetapi mulai dari tahun 1969, Ahli-ahli Jemaah Pelawat diistiharkan dalam *Warta Kerajaan* bagi tempoh 3 tahun termasuk tahun 1969, 1970 dan 1971. Dalam tahun 1972 ini, pengistiharan itu dibuat bagi tempoh selama satu tahun.

Bagi tiap-tiap Ahli Jemaah Pelawat yang telah diistiharkan itu akan dikeluarkan satu Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Kementerian saya. Di atas Kad Pengenalan ini ada ruangan khas bagi sekeping gambar Ahli tersebut. Kad-kad Pengenalan ini dihantar kepada Pengarah-pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri masing-masing untuk dibahagi-bahagikan kepada Ahli-ahli yang berkenaan. Apabila kad-kad ini diterima oleh Pengarah-pengarah Negeri, mereka telah mungkin meminta gambar-gambar dari Ahli-ahli yang berkenaan itu.

Menurut maklumat yang diterima daripada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Kedah, Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara telah memberikan gambarnya sebanyak dua kali—dalam bulan April, 1970 dan juga bulan Oktober, 1972.

Tuan Yang di Pertua, berikutan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bentong, saya sukacita memberi pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah pun memberi keutamaan yang paling tinggi kepada kemajuan perkhidmatan-perkhidmatan hospital di negeri-negeri Pantai Timur. Saya juga suka menyatakan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian saya akan membina sebuah hospital di Kubang Krian, Kota Bharu untuk menggantikan hospital besar yang lama yang ada sekarang di Kota Bharu.

Sebagai tambahan hospital-hospital daerah akan juga dibina di Tanah Merah dan Macang dalam Negeri Kelantan. Di Trengganu sebuah hospital daerah baharu akan dibina di Jertih. Adalah juga dicadangkan bagi menggantikan hospital besar yang lama di Kuala Trengganu dan sebuah hospital yang moden akan didirikan bertingkat-tingkat. Di Pahang, hospital-hospital daerah akan dibina di Jerantut, Jengka Tiga Segi dan di Pahang Tenggara. Hospital Besar Kuantan yang ada sekarang akan juga digantikan dengan sebuah hospital baharu. Berkenaan dengan memperbaiki hospital-hospital yang ada sekarang satu peruntukan wang lebih kurang \$4 juta juga diberi kepada negeri-negeri Pantai Timur dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bentong berkenaan pakar-pakar belah hendaklah dihantar bertugas di hospital-hospital daerah Pantai Timur. Saya suka menerangkan jawapannya telah saya beri pada 14hb Disember yang baharu lalu sebagai jawapan kepada Soalan Mulut kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur. Kementerian saya merancang mengadakan dalam tiap-tiap buah hospital daerah doktor-doktor pakar dalam tiga bidang kepakaran yang besar iaitu perubatan, pembedahan dan perbidanan dan sakit puan. Ini termasuklah hospital-hospital daerah Pantai Timur.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak menyatakan banyak ambulan di dalam keadaan buruk yang didapati dalam kawasan hospital daerah ini patutlah dilelong. Berkaitan dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak berkenaan dengan ambulan-ambulan yang buruk dan patut dilelongkan itu, Kementerian saya sedar tentang kedudukan ambulan di dalam keadaan buruk dan didapati di kawasan hospital-hospital dan tindakan yang sewajarnya sedang diambil untuk melelongkan semua ambulan-ambulan tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan Hospital Daerah Changkat Melintang tidak ada ambulan, pada masa ini land-rover digunakan sebagai ambulan minta mengadakan ambulan hospital di situ. Bagi Hospital Daerah Changkat Melintang, saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini telahpun

menguntukkan dua buah ambulan bagi ditempatkan di hospital-hospital tersebut. Buat masa ini Kementerian saya sedang menyelenggarakan peperiksaan ambulan-ambulan yang baharu dibeli oleh Kementerian saya dan saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Daerah Changkat Melintang akan dibekalkan dengan ambulan dalam masa tahun hadapan.

Bagi menjawabkan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, saya suka menerangkan bagi perkhidmatan Kerajaan Suruhgaji Suffian telah diletakkan dua tanggagaji bagi drebar-drebar. Satu bagi drebar kenderaan yang beratnya 3 tan ke atas dan satu lagi drebar kenderaan yang kurang dari 3 tan. Gaji drebar kenderaan 3 tan ke atas lebih sedikit daripada gaji drebar kenderaan yang kurang dari 3 tan. Ambulan-ambulan adalah kurang dari 3 tan beratnya, oleh itu pemandunya menerima gaji yang rendah. Pada amnya semua kategori kakitangan-kakitangan perubatan dan kesihatan di bawah Kementerian saya boleh dipanggil bila-bila masa saja mereka diperlukan selain dari masa bekerja biasa.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan membangkitkan Kementerian Kesihatan atas rancangan-rancangan melengkapkan hospital-hospital daerah atau hospital-hospital daerah kecil. Beliau berkata faktor pembangunan negara terletak atas kesihatan yang cukup. Didapati rancangan mendirikan hospital lebih di sebelah utara sahaja, tetapi kurang di selatan. Tuan Yang di Pertua, saya suka menerangkan bahawa pada masa ini tidak ada hospital di Jasin dan di situ cuma ada satu Pusat Kesihatan Besar, Klinik Pergigian Daerah, dan Pejabat Kesihatan Daerah. Perhatian sedang dibuat oleh Kementerian saya untuk mengadakan sebuah Rumah Sakit Daerah di Jasin cukup dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap termasuk ambulan. Perkara ini akan dikaji untuk diluluskan dalam Mid-Term Review di bawah Kementerian saya.

Itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan itu saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pandangan-pandangan berkaitan dengan Kementerian saya itu. Terima kasih.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, saya ingin menjawab teguran-teguran dengan ringkasnya yang dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang ada berkaitan dengan Kementerian saya.

Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara yang telah menyentuh tentang rancangan indok bagi Negeri Pulau Pinang, saya ingin menyatakan bahawa pembentangan lapuran atau rancangan indok itu kepada khalayak ramai tidak akan menjaga kepentingan awam, kerana ini akan mendorongkan sebahagian mereka yang tidak bertanggungjawab untuk membuat spekulasi dan dengan itu mungkin ada melambung harga-harga tanah dan seterusnya akan menghindarkan kemajuan pembangunan.

Berkenaan dengan soal menstrukturkan semula penguasa-penguasa tempatan di Malaysia Barat yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara dan Damansara dalam ucapan mereka mengenai Anggaran Belanjawan, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengstrukturkan semula sedang giat diusahakan tetapi proses ini akan mengambil masa kerana di Malaysia Barat ini wujud sejumlah 370 buah penguasa-penguasa tempatan dari berbagai-bagai jenis yang ditadbirkan oleh pelbagai undang-undang misalnya Ordinan Perbandaran, Enakmen Lembaga Bandaran (F.M.S. Cap. 137), Enakmen-enakmen Lembaga Bandaran Negeri-negeri Johor dan Trengganu, Enakmen Perbandaran Negeri Kelantan dan Ordinan Majlis-majlis Tempatan, 1952.

Pengstrukturkan semula sudah pasti melibatkan beberapa perubahan dalam undang-undang dan apa juga bentuk pengstrukturkan semula yang akan dilakukan mestilah selaras dengan kepentingan am. Di dalam perkara ini kita perlu menimbangkan faktor-faktor seperti pembangunan ekonomi, perpaduan negara dan sebagainya. Justeru kerana itu, Ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa ini adalah satu tugas yang besar dan oleh itu akan mengambil masa sebelum perubahan-perubahan yang mungkin akan berlaku dapat menimbulkan kesan yang ternyata serta dapat dilihat oleh orang ramai.

Berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara meminta supaya kelulusan permohonan bagi pembangunan rumah-rumah diluluskan dengan segera. Saya tidak berapa faham permohonan apa yang dimaksudkan. Jika beliau bermaksud kepada kelulusan plan, saya suka menyatakan bahawa dengan kelulusan Federal Capital Planning Act nanti, permohonan seperti itu akan dapat dipertimbangkan dengan segera oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berkenaan dengan permohonan-permohonan bagi pembangunan rumah-rumah di luar Ibu Kota atau di kawasan-kawasan yang lain, ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan penguasa-penguasa di dalam Negeri-negeri yang berkenaan yang mana juga bertanggungjawab bagi meluluskan penukaran syarat-syarat dan membahagi-bahagi tanah untuk pembangunan rumah-rumah. Perkara seperti itu hendaklah dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menjawab bagi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan atas beberapa teguran dan pandangan yang telah diberikan di dalam Dewan ini pada masa perbahasan budget kita ini.

Tuan Yang di Pertua, beberapa orang Ahli Dewan telah pun membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menuduh bahawa badan-badan berkanun seperti PERNAS, UDA, SEDC dan sebagainya yang telah menyimpankan peruntukan wang yang dihaskan kepada badan-badan itu di dalam bank-bank perniagaan. Ini adalah tidak benar, Tuan Yang di Pertua, disebabkan mereka itu telah membelanjakan peruntukan peruntukan itu bagi membiayai kerja-kerja pembinaan dan juga membeli alat perkakas serta jentera-jentera dengan tujuan melahirkan harta yang kekal bagi jenerasi yang akan datang. Kegiatan-kegiatan ini adalah selaras dengan tanggungjawab dan tugas mereka di bawah dasar ekonomi baru.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh kegiatan SEDC dan telah sengaja membesar-

besarkan perkara itu. Sebenarnya SEDC tidak berhajat hendak melaksanakan projek-projek baru sebagaimana yang direncanakan oleh pihak-pihak swasta oleh kerana dengan tindakan ini akan bermaknalah bahawa SEDC akan mengabaikan pula peluang peluang bagi melaksanakan projek-projek itu secara perkongsian—joint venture dengan pihak swasta. Sebaliknya pula syarikat perniagaan tempatan tidak begitu cenderung hendak mengambil bahagian secara perkongsian.

Walaubagaimanapun adalah menjadi dasar Kerajaan bagi menggalakkan pelaksanaan projek perkongsian—joint venture di antara SEDC dengan syarikat swasta.

Kejayaan dasar ini dapat dibuktikan dengan adanya joint venture di beberapa buah negeri mengikut pecahan seperti berikut:

Kedah	...	...	...	...	2
Selangor	...	...	...	...	2
Negri Sembilan	...	...	...	...	3
Johor	...	...	...	...	7

Ini membuktikan keyakinan sektor swasta bagi rancangan-rancangan perkongsian SEDC biar pun peranan sektor swasta dalam perkara ini lebih rendah daripada peranan yang dijangkakan; perkara ini sangatlah mendukacitakan oleh kerana kita mempunyai banyak modal di dalam negara ini yang dapat di salurkan bagi faedah bersama sektor swasta dan sektor awam.

Tuan Yang di Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah juga menyentuh berkenaan dengan kekurangan pekerjaan di kalangan rakyat negara ini. Kerajaan sedar bahawa masaalah ini adalah masaalah yang besar sekali yang di hadapi oleh negara. Menyedari bahawa sektor inilah yang patut dipermodenkan atau diperluaskan supaya ianya akan dapat menampung tenaga pekerja-pekerja yang muda yang berlebihan itu. Kerajaan sedang menggiatkan pelancaran rancangan-rancangan tanah dan juga rancangan-rancangan pembuatan (manufacturing) yang boleh melahirkan banyak pekerjaan. Walau bagaimanapun perkembangan perusahaan bergantung sebahagian besarnya kepada pelaburan modal. Kerajaan berharap bahawa dengan perkembangan ekonomi dalam tahun

ke hadapan ini dan juga tentang penambahan pelaburan modal, maka pekerjaan-pekerjaan akan dapat diadakan bagi tahun-tahun yang meliputi Rancangan Malaysia Kedua.

Setakat ini beberapa projek besar telah dilancarkan seperti Johor Shipyards, Mamut Copper Mine sebuah kilang penapis minyak yang baru dan Cement plant, electrified natural gas plant di Sarawak, Elektronik, Timber, Sugar dan lain-lain lagi yang diharapkan akan melahirkan banyak pekerja-pekerja. Adalah juga diharapkan bahawa dengan keputusan Kerajaan baharu-baharu ini untuk memberikan galakan yang tertentu kepada kilang-kilang yang menduduki kawasan-kawasan yang kurang maju, sektor swasta akan bersedia merancang penempatan kilang mereka di kawasan-kawasan yang berkenaan demi mewujudkan pekerja-pekerja yang mencukupi bagi belia-belie di luar bandar.

Tuan Yang di Pertua, di dalam bidang rancangan pembangunan tanah Kerajaan juga sedang melancarkan projek-projek yang akan dapat menambahkan pendapatan penduduk di luar bandar. Rancangan-rancangan seperti ini akan dilaksanakan di kawasan-kawasan pembangunan ke daerah seperti Pahang Tenggara dan Johor Tenggara di mana pekan-pekan baru dengan kemudahan-kemudahan sosial yang lebih baik dan didirikan bagi mengseimbangkan kemajuan di daerah-daerah yang mundur itu dengan kawasan-kawasan yang lebih maju di negara ini.

Kemajuan ke daerahan di Miri, Bintulu di Sarawak adalah juga berdasarkan kepada asas-asas dan matlamat-matlamat yang sama. Dengan adanya rancangan-rancangan ke daerah secara besar-besaran ini, maka nyatalah bahawa Kerajaan sedang bersungguh-sungguh mencubakan bagi memperbaiki kedudukan kawasan-kawasan luar bandar dengan kawasan-kawasan bandar.

Saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan kajian semula Rancangan Malaysia Kedua. Ini adalah satu perkara yang sangat penting oleh kerana kita bukan menoleh ke belakang kepada kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, malahan di saat ini kita terpaksa juga merancang dasar-dasar dan strategi-strategi baru bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita pada jangka yang panjang. Kajian semula ini akan memberi

kesempatan kepada pihak Kerajaan bagi memperbaiki lagi pelaksanaan dasar-dasar untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan.

Beberapa orang Ahli Dewan ini telah mengesyorkan supaya sebuah Kementerian Penyelarasan ditubuhkan bagi maksud penyelarasan pelaksanaan rancangan-rancangan kemajuan dan juga penyelarasan di atas Kementerian, Jabatan dengan badan-badan berkanun. Buat masa sekarang ini menubuhkan Kementerian Penyelarasan sebagaimana yang dicadangkan tidaklah perlu oleh kerana Kerajaan mempunyai cukup tenaga bagi mengawasi soal-soal yang berkenaan.

Kerajaan mempunyai dua orang Menteri Tugas-tugas khas dan saya sendiri sebagai Timbalan Menteri kepada Jabatan Perdana Menteri yang boleh menjalankan tugas-tugas penyelarasan di mana dan apabila difikirkan perlu.

Pada masa ini Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran adalah diberi tugas mengenai pelaksanaan dan menyelaraskan rancangan-rancangan Kerajaan disamping mengkaji masalah-masalah pentadbiran.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan Kerajaan di atas sistem ekonomik kita dengan tujuan hendak mencapai pembahagian harta dengan lebih rata. Sungguhpun rancangan-rancangan dan strategi-strejtiji kita boleh diperbaiki, dirombak dan difikirkan semula dari masa kesemasa, Kerajaan ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan tidak akan berganjak kepada matlamat akhirnya bagi mewujudkan masyarakat yang adil dalam mana semua rakyat di negeri ini akan menikmati peluang-peluang yang sama yang dilahirkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Saya bersetuju dengan banyaknya Ahli-ahli Dewan ini bahawa kedudukan ekonomi sesebuah negara itu tidak semestinya akan melahirkan equal distribution of wealth biarpun matlamat Kerajaan adalah hendak mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil. Kita mestilah mengakui bahawa kita memerlukan juga perkembangan ekonomi bagi membolehkan kita mencipta peluang-peluang yang lebih luas dan menghasilkan kadar pendapatan-pendapatan yang lebih saksama.

Sistem ekonomi yang ada pada kita sekarang ini adalah memberi semua rakyat peluang-peluang yang sama tanpa merugikan atau merampas harta sesiapa pun. Maka disinilah terletaknya asas dasar Kerajaan bagi melahirkan masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Jentera Perunding

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telahpun menyentuh berkenaan dengan jentera perunding di antara pekerja-pekerja dengan majikan-majikan. Kerajaan sedar bahawa perhubungan yang baik diantara pekerja-pekerja dengan majikan adalah faktor yang terpenting di dalam sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan juga yang sedang giat melancarkan rancangan-rancangan pembangunan.

Sebenarnya Kerajaan telahpun mengkaji semula jentera perundingan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam dan juga bagi meliputi badan-badan berkanun serta kuasa-kuasa tempatan. Tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil di dalam susunan yang baharu ini.

Kerajaan adalah berharap bahawa dengan susunan semula jentera perundingan bagi pihak pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun serta kuasa-kuasa tempatan berhubung diantara pihak pekerja dengan pihak Kerajaan akan lebih rapat lagi dan bahawa semua kesulitan-kesulitan yang didapati pada sistem yang telah lepas akan dapat diatasi.

Suruhanjaya Suffian

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Ahli dari Bukit Bintang adalah tidak benar bahawa Suruhanjaya Suffian tidak menimbangkan perkara gaji sama bagi pegawai-pegawai wanita. Di sini saya ingin menurunkan apa yang dinyatakan oleh Suruhanjaya itu. Izinkan saya berkata ciptaan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya itu:

"Equal pay for women. We understand that the Government has accepted the principle of equal pay for men and women for equal work and that the matter of its implementation is at present under discussion by the National Whitley Council. We endorse this principle fully and in our recommendation, therefore, we

have provided only one scale for each service."

Itulah lapuran yang telah dibuat oleh Suruhanjaya itu. Atas permintaan Kerajaan baharu-baharu ini, Tuan Hakim Tan Sri Suffian telah menjelaskan prinsip-prinsip yang diwujudkan bagi membuat perakuan-perakuan terhadap tanggaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam. Menurut-nya inilah bunyinya:

"Women should get the same pay as men for doing the same work and if they accept the same conditions of service such as working at night, etc. We did not simply say equal pay for men and women. Thus at some stage in their career, hospital assistants were recommended more pay than nurses because their work then was different, though initially they had the same training and the same qualification."

Dengan keterangan ini tuntutan jururawat-jururawat bagi menuntut kedudukan yang sama (parity of status) dengan pembantu-pembantu rumah sakit tidaklah timbul.

Pencen

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah membangkitkan mengenai soal pencen. Saya suka menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas yang di Pengerusi oleh Yang Berhormat Tan Sri Syed Zahiruddin untuk mengkaji semula perkara berkaitan dengan pencen termasuk pencen pegawai-pegawai bersara, pemulihan kembali pencen (restoration of full pension) selepas bersara selama 12 tahun setengah adalah menjadi satu daripada perkara yang telah ditugaskan kepada Jawatankuasa Khas itu. Jawatankuasa ini sedang menyiapkan laporannya.

Kekosongan jawatan

Ahli dari Batu menyentuh juga mengenai kekosongan yang ada di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya suka menerangkan bahawa jumlah kekosongan tidaklah begitu besar pada masa ini. Kerajaan hanya mengalami 7.6% kekosongan sahaja daripada jumlah jawatan-jawatan Kerajaan pada keseluruhannya.

Walaubagaimanapun adalah diakui bahawa kekosongan jawatan-jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan Iktisas dan Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas adalah agak besar sedikit, khususnya di dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang berkehendakkan kelayakan teknikal.

Pada masa ini didapati kekurangan calon-calon yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang cukup bagi mengisi jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Untuk mengatasi kedudukan ini Kerajaan telah memperluaskan kursus-kursus pengajian tinggi di negara kita dan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mempelajari ilmu-ilmu yang dikehendaki. Ini jelas dilihat daripada peruntukan-peruntukan yang semakin bertambah pada tiap-tiap tahun.

Pada tahun 1971 peruntukan bagi biasiswa adalah berjumlah \$4,709,180. Pada tahun 1972 \$10,955,925 dan pada tahun hadapan berjumlah \$21,590,000. Ini membuktikan bahawa Kerajaan sedang bersungguh-sungguh menyediakan tenaga untuk pelajar bagi mengisikan jawatan-jawatan yang masih kosong itu.

Tuan Yang di Pertua, itulah jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang saya hendak sentuh dengan ringkas apa yang telah disebutkan bersabit dengan Kementerian Pertahanan.

Penyelam-penyelam

Di dalam perbincangan kita Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut telah menyebut tentang kelewatan penyelam-penyelam Tentera Laut Di Raja Malaysia sampai ke Krian Laut untuk menjalankan kerja-kerja menyelamat mangsa-mangsa trajidi Sungai Krian. Oleh kerana mereka menggunakan pengangkutan motor bagi menjalankan mereka dari K.D. Malaya ke Krian Laut. Beliau juga menyatakan bahawa mereka apabila sampai di Krian Laut merasa telah letih dan tidak dapat menjalankan tugas-tugas menyelam terus-menerus. Atas perkara ini, ingin saya menerangkan bahawa penyelam-penyelam dan alat-alat mereka tidaklah dapat dihantar dengan menggunakan kapal terbang ke kawasan Krian Laut oleh kerana peralatan-peralatan mereka tidaklah dapat dihantar dengan menggunakan kapal terbang oleh kerana alatan itu

diisi dengan ges oksigen. Alat-alat ini juga adalah terlalu berat untuk diangkat dengan helikopter. Memandangkan kepada keadaan itu pihak Kementerian Pertahanan telahpun mengarahkan penyelam-penyelam itu dan alat-alat mereka dihantar dengan penggunaan terak tentera.

Penyelam-penyelam itu juga tidak dapat menjalankan kerja menyelam pada hari trajidi itu berlaku, kerana waktu mereka sampai di kawasan Krian Laut sudahpun lewat dan mereka tidak dapat membuat kerja-kerja pada masa itu oleh kerana kekurangan light.

Helikopter

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah dalam ucapannya telah mencadangkan supaya lebih banyak lagi helikopter diguna untuk mengangkut askar ke kawasan sempadan. Beliau menyatakan bahawa penggunaan helikopter adalah lebih selamat daripada convoy. Atas perkara ini, ingin saya menerangkan bahawa demi untuk memberikan bantuan udara yang lebih berkesan kepada askar-askar bagi untuk mengangkut mahupun untuk membantu di dalam gerakan menentang musuh, pihak Tentera Udara di Raja Malaysia telahpun membeli 6 buah lagi helikopter dalam bulan Oktober 1971 hingga Mei 1972. Jika keadaan memerlukan, Kementerian Pertahanan akan membeli lebih banyak helikopter-helikopter untuk memberi keperluan dalam bidang ini.

Nelayan Pantai Timur

Persoalan keselamatan nelayan-nelayan di Pantai Timur yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat wakil kawasan Tumpat. Beliau telah menyatakan bahawa nelayan-nelayan di Pantai Timur seringkali diancam oleh perompak-perompak dari luar negeri. Beliau juga mengesyurkan supaya Kementerian Pertahanan menggunakan lebih banyak lagi motobot-motobot perunda untuk mencegah berlakunya kejadian-kejadian yang seumpama ini.

Kementerian Pertahanan menyedari masalah-masalah nelayan di Pantai-pantai Timur ini dan telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memperluaskan lagi rondaan-rondaan laut hingga ke perairan antarabangsa untuk melindungi

semua nelayan-nelayan kita. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Tentera Laut di Raja Malaysia dalam tahun ini sungguhpun telah menghasilkan penangkapan-penangkapan enam buah kapal tunda asing di kawasan pantai Johor, tiga buah di pantai Trengganu, sebuah di pantai Tioman dan satu lagi di pantai Kelantan.

Saya suka menceritakan, Tuan Yang di Pertua, dalam perundaan laut ini, tentera laut telah menjalankan tugas dengan begitu memuaskan hati dan telah mengurangkan perumpakan-perumpakan yang telah berlaku pada masa-masa yang lepas. Oleh sebab itu, saya rasa, pada masa-masa yang akan datang mungkin kita dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita di Pantai Timur.

Tuan Yang di Pertua, selain dari ini, Kementerian Pertahanan dan juga Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian dan juga mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membahaskan budget ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, bagi menjelaskan perkara yang pertama, saya ingin hendak menjawabkan bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tatkala Dewan ini membahaskan undang-undang anggaran perbekalan tahun 1973.

Peranan Pesuruhjaya Perdagangan

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor nampaknya belum lagi jelas dengan peranan dan tugas yang dipikul oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri.

Adalah tidak benar sangkaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pegawai-pegawai Pesuruhjaya kita di luar negeri tidak mengemukakan peluang-peluang perdagangan kepada peniaga-peniaga Malaysia terutamanya peniaga-peniaga bumiputra. Malah adalah menjadi tugas utama Pegawai-pegawai Pesuruhjaya Perdagangan kita untuk menolong pengeksport-pengeksport negeri ini dengan menyalurkan kepada mereka segala

peluang-peluang perniagaan yang didapati di negeri tempat Pesuruhjaya Perdagangan itu.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa menerima berbagai-bagai pertanyaan daripada pedagang-pedagang di luar negeri. Pertanyaan-pertanyaan itu berkisar mengenai peluang-peluang mendapatkan barang-barang dagangan daripada negeri ini dan juga keterangan-keterangan mengenai barang-barang dagangan yang boleh diperolehi oleh pengimport-pengimport Malaysia daripada mereka. Segala pertanyaan yang diterima ini setelah ditapis, disalurkan kepada pengeksport-pengeksport melalui semua Dewan Perniagaan dan Persatuan Pengilang Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Dewan Perniagaan untuk menyebarkan berita-berita baik seperti ini kepada semua anggotanya. Ahli Yang Berhormat itu barangkali suka untuk menolong memujuk supaya lebih ramai lagi ahli-ahli perniagaan menjadi ahli mana-mana Dewan Perniagaan yang telah ditubuh pada sekarang ini.

Selain daripada itu Kementerian ini telah juga mengadakan satu sistem pendaftaran nama pengeksport-pengeksport dalam negeri ini.

Daftar ini adalah penting kerana ia dapat digunakan dalam menentukan kepada siapakah pertanyaan-pertanyaan yang diterima daripada pedagang-pedagang di negeri asing itu dapat disalurkan.

Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan telah membangkitkan perkara memindahkan ahli-ahli perniagaan Melayu dari Pantai Timur ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini untuk membolehkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti dalam perdagangan dan perindustrian di sebelah Pantai Barat. Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah pun menjalankan usaha untuk menggalakkan bumiputra bergiat dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan Dewan ini telah pun diberitahu dari masa kesemasa mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, badan-badan seperti SEDC, MARA dan UDA mengenai perkara-perkara pengalakan bumiputra. Berkenaan dengan pemindahan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah

menyedari bahawa sistem ekonomi negara ini adalah mengamalkan kebebasan dalam segala kegiatan ekonomi. Dengan demikian Kerajaan tidaklah dapat memaksa sesiapa pun untuk menjalankan apa-apa juga kegiatan ekonomi. Kerajaan hanya dapat memberi galakan menerusi programe yang sudah ada sekarang ini dan terpulanglah kepada bumiputra yang mempunyai inisiatif dan keinginan hendak menggunakan kemudahan-kemudahan ini supaya mereka dapat peluang hendak berpindah daripada pantai timur ke pantai barat.

Harga Barang-barang Keperluan

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara harga barang-barang keperluan hari-hari. Mereka juga telah menyentuh perkara penguatkuasaan tanda-harga ke atas barang-barang yang tertentu yang pada anggapan mereka tidak dapat mengawal kenaikan harga barang-barang tersebut. Tuan Yang di Pertua, telah berkali-kali ada dijelaskan samada di dalam atau di luar Dewan iaitu harga barang-barang adalah ditentukan oleh faktor "supply" dan "demand". Harga barang-barang tersebut akan meningkat apabila "demand" ke atasnya meningkat dan tidak dapat diimbangi oleh "supply".

Tanda-harga

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat berpendapat bahawa tanda harga bukanlah jawapan kepada masalah kenaikan harga. Menurutinya, tanda harga telahpun gagal oleh kerana ianya bukan membawa kepada harga yang berkurangan, tetapi sebaliknya telah menaikkan harga barang-barang, dan beban ini adalah ditanggung oleh pengguna-pengguna di peringkat bahawan.

Tuan Yang di Pertua, sekali lagi Ahli Yang Berhormat dari Parti Pekemas itu telah menunjukkan kejahilannya mengenai dasar Kerajaan. Beliau tentu sedar bahawa cara menjual-beli di negeri kita ini sejak beratus-ratus tahun dahulu, adalah dengan menggunakan cara tawar-menawar. Ini bererti bahawa harga bagi sesuatu barang itu akan ditentukan dengan kebijaksanaan ataupun tipu-helah seseorang, dan tektik penjual dan pembeli. Cara ini telah didapati merugikan pengguna-pengguna terutama sekali orang-orang kampung. Dengan adanya undang-

undang tanda harga ini, maka hapuslah sistem menjual-beli dengan cara tawar-menawar itu.

Juga, dengan adanya undang-undang tanda harga ini, maka pengguna-pengguna amnya dan orang-orang kampung khususnya, dapat mengetahui akan harga-harga barang yang mereka kehendaki dengan tidak payah bertanya lagi walaupun barang itu jarang-jarang sekali dibeli oleh mereka. Dengan ini bererti pekedai-pekedai tidak lagi dapat meletakkan harga bagi sesuatu barang itu lebih tinggi daripada harga yang biasa. Kerana dengan berbuat demikian, pengguna-pengguna akan membeli di kedai-kedai yang lebih murah harganya.

Bagi pekedai-pekedai pula, tanda harga ini adalah satu pertandingan yang sihat yang mana pengguna-pengguna akan menjadi hakim iaitu pengguna-pengguna akan memilih harga yang paling murah bagi sesuatu barang-barang yang didapati daripada tanda-tanda harga yang ditunjukkan. Ada pun kenaikan harga bagi setengah-setengah barang yang berlaku di beberapa tahun ini, maka saya suka menyatakan bahawa kenaikan bagi harga barang-barang itu bukanlah disebabkan oleh undang-undang tanda harga, tetapi disebabkan keadaan ekonomi yang telah menghadapi sedikit sahaja inflasi dalam beberapa tahun yang lepas.

Penentuan Harga

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dr Chen Man Hin supaya Kerajaan menentukan harga bagi barang-barang dikeluarkan oleh pekilang-pekilang tempatan yang diberi perlindungan, maka saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sekarang telahpun mengambil tindakan untuk menentukan harga-harga barang keperluan yang diberi perlindungan seperti harga gula dan gandum. Tetapi sebaliknya Kerajaan tidak dapat mengawal harga bagi semua barang-barang kerana dengan berbuat demikian, maka besarlah kemungkinannya bahawa beberapa perkara yang tidak diingini seperti kekurangan barang jualan di pasar gelap (black marketing) dan sebagainya akan berlaku. Ini akan mengakibatkan bukan sahaja kenaikan harga barang keperluan harian, tetapi juga akan membawa kepada kesulitan bagi pengguna-pengguna untuk membeli barang-barang itu di pasaran terbuka. Perkara ini telah ternyata berlaku

dibeberapa negeri di Asia ini yang mengamalkan kawalan harga ke atas barang-barang keperluan dan lain-lain barang.

Cable Car

Rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara, Tuan Yang di Pertua, telah menyentuh kemajuan projek cable car system di Bukit Nanas. Sangkaan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya tidaklah berasas oleh kerana projek cable car system itu sebenarnya telah pun siap dan ianya sekarang adalah di bawah kawalan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang telah ditubuhkan baharu-baharu ini. Sebaik sahaja kerja-kerja memperbaiki dan memperkemas aspek-aspek keselamatan bagi jentera kereta cable yang dipasang itu, Ahli Yang Berhormat itu dan saya harap orang ramai bolehlah datang berkunjung ke Bukit Nenas nanti.

Kementerian ini adalah memandang berat di atas faktor keselamatan projek itu atas akibat inilah maka projek itu masih belum dibuka kepada orang ramai untuk mengelakkan daripada berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingin dibelakang hari nanti.

Football Money

Saya juga ingin mengulaskan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah berkenaan dengan football money ataupun tea money yang menurut beliau dikenakan oleh beberapa syarikat kewangan tertentu kepada pengguna-pengguna yang membeli secara sewa beli ataupun hire purchase. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, perkara ini telah pun diterangkan dengan panjang lebar ketika Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab satu soalan yang dikemukakan pada 13hb Disember ini. Untuk pengetahuan beliau biarlah sekali lagi saya jelaskan iaitu sebuah Jawatankuasa yang berkenaan telah pun diarahkan untuk menyimak dan mengesyurkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih berkesan lagi di dalam menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Sewa Beli tahun 1967.

Sekarang, Tuan Yang di Pertua, saya ingin hendak memberi jawapan am kepada perkara yang telah ditimbulkan mengenai Kementerian saya sendiri.

Sebelum itu, saya inginlah mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan syur-syur yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Getah

Pada kali ini nampaknya adalah lebih banyak lagi pengertian mengenai getah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kebanyakan mereka telah pun mempunyai peluang untuk memandang daripada dekat lagi apa-apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita mengenai soal getah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan-ucapan yang sangat menggalakkan yang telah dilafaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Ada tiga perkara yang telah dibangkitkan mengenai getah. Satu mengenai soal menetapkan harga dan meninggikan subsidy, malangnya pada setakat ini saya belumlah dapat memberi jawapan yang berlainan daripada apa yang telah saya katakan pada persidangan yang lepas.

Yang kedua, ada pula ditimbulkan soal diversification kepada kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil.

Ada Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa pekebun-pekebun kecil telah tidak dapat peluang untuk menukarkan kebun-kebun mereka daripada tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit. Sebenarnya perkara ini tidaklah betul, kerana kita telah pun menjalankan rancangan selama ini untuk menggalakkan di mana tempat yang sesuai supaya pekebun-pekebun kecil dapat bertukar daripada getah kepada kelapa sawit.

Setakat ini kita telah dapat menggalakkan 34,000 ekar kebun ditukarkan daripada getah kepada kelapa sawit. Kita belum dapat menggalakkan soal ini dengan secara besar-besaran selain daripada rancangan estet kerana ada banyak faktor yang mengganggu pelancaran program-program satu daripadanya ialah soal memproseskan kelapa sawit ini bagi pekebun-pekebun kecil sahaja. Pada masa sekarang ini kita hanya menggalakkan pekebun-pekebun kecil menanam kelapa sawit sebagai satellite holdings yang dekat dengan kilang-kilang yang sudah ada didirikan oleh pihak swasta. Walaubagaimanapun kita sedang mengambil usaha dengan cara mengirimkan dua tiga orang pegawai

kita ke Nigeria untuk memerhati bagaimana-kah Nigeria telah dapat menjalankan rancangan menanam kelapa sawit dengan cara pekebun-pekebun kecil terutama sekali soal menjalankan perkilangan buah-buah kelapa sawit itu nanti.

Kilang tyre

Perkara yang ketiga yang telah ditimbulkan ialah mengenai langkah-langkah Kerajaan hendak menggalakkan supaya lebih banyak lagi kilang-kilang yang menggunakan bahan daripada getah dirikan dalam negara ini. Saya memanglah bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan itu. Sebenarnya langkah telah pun dijalankan selain daripada sebuah kilang tyre yang akan didirikan oleh sebuah syarikat yang terkenal dengan nama PERNAS sebagai joint venture. Baharu-baharu ini, saya telah menerima seorang daripada negara Italy siapa yang telah sanggup hendak mendirikan sebuah kilang membuat benang-benang getah ataupun rubber thread. Saya percaya dengan adanya kedatangan kilang ini maka kilang-kilang lain akan juga dapat digalakkan bersama-sama bangkit seperti kilang yang membuat buah golf dan kilang-kilang membuat pakaian-pakaian yang digunakan benang-benang getah. Jadi harapan saya adalah sangat besar bahawa rancangan yang dikehendaki kita bersama ini mungkin akan dapat momentum yang lebih cepat lagi dalam masa yang akan datang.

Saya juga sangat berbangga melihat betapa banyaknya Ahli-ahli yang telah menyatakan keinginan mereka hendak melihat bahawa rancangan-rancangan yang lebih giat dan lebih efektif lagi akan dijalankan untuk menolong pekebun-pekebun kecil kita mereka sedang menderita terutama sekali pada masa harga getah jatuh. Sebenarnya saya tidak dapat bercakap sangat panjang atas soal ini pada setakat ini, Tuan Yang di Pertua, kerana saya rasa masa saya bercakap atas butir-butir program yang akan dijalankan oleh Kerajaan ialah selepas RISDA ditubuhkan nanti. Saya percaya RISDA akan dilancarkan pada awal tahun baharu ini iaitu tahun 1973.

Tembakau

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada Pantai Timur telah membangkitkan soal nasibnya pekebun-pekebun tembakau

kita. Sebenarnya saya sendiri memang sedar atas masalah-masalah yang telah timbul kerana ada merusutnya mutu tembakau yang ditanam terutama sekali di Pantai Timur di Kelantan dan soal-soal yang berkaitan dengan pemasaran.

Sebenarnya, sebuah Pasukan Portugas telahpun dilantik selepas saya melawat Kelantan pada pertengahan tahun ini dan Pasukan ini telahpun membawa kepada saya laporan yang preliminary. Jadi keputusan pada sekarang ini ialah supaya langkah-langkah preliminary ataupun langkah-langkah persiapan hendaklah dijalankan sebelum saya mengambil langkah secara undang-undang hendak menubuhkan sebuah Lembaga. Bila Lembaga ini ditubuhkan nanti memanglah soal-soal seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan menjadi perhatian Lembaga ini nanti.

Undang-undang Tanah

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telahpun menuduh Kerajaan berjalan mengikut Rang Undang-undang Tanah, yang mengikut beliau sudah sangat kunu ataupun colonial land legislation, kata beliau, yang telah menghalang banyak pekerjaan-pekerjaan untuk merancang land development dan town development dalam perkara ini. Sungguhpun saya rasa soal tanah adalah satu soal yang sangat sukar bagi Kerajaan mengatasi sekarang ini, sebab-sebab kesukaran ini bukanlah sebabnya undang-undang tanah ini adalah undang-undang kunu, sebenarnya National Land Code adalah satu ciptaan dalam tahun enam-puluhan yang lepas dan saya rasa adalah sangat up-to-date. Masalah-masalah tanah ini timbul kerana adanya darurat lebih kurang 10 tahun selepas perang yang telah mengendalikan banyak pekerjaan-pekerjaan untuk menyukat tanah dan pekerjaan-pekerjaan pentadbiran mengenai tanah. Apakala darurat sudah habis banyaklah pegawai-pegawai yang cukup mahir dalam soal tanah ini menjadi tua dan bersara dan tempat mereka tidaklah begitu cepat diambil oleh orang-orang muda terutama sekali orang yang mempunyai pengalaman yang cukup. Selepas itu apakala Malaya mendapat kemerdekaan, maka Kerajaan pun melancarkan rancangan luar bandaraya yang berkehendakkan tenaga yang banyak untuk

menjayakan, terutama sekali dalam lapangan pembukaan tanah. Jadi tidak dapat tidak, kerja tunggakan ini memanglah berlonggok-berlonggok dihadapi pada sekarang ini dan walaupun kita telah dapat mengurangkan back-log ini, back-lognya masih juga terdapat. Kerana masaaalah mendapatkan pegawai-pegawai yang cukup mahir dan kerana menempuhkan banyak volume kerja yang bertambah-bertambah, maka kita rasa masaaalah tanah ini tidaklah dapat dijalankan dengan cara lama dan dengan tujuan untuk mempercepatkannya dengan computerisation telahpun diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi soal ini. Saya rasa Ahli Yang Berhormat mengatakan system tanah kita ini kunu hendaklah ingat bahawa menggunakan computer ini bukanlah perkara kunu, tetapi perkara yang sangat up-to-date.

Inilah sahaja perkara-perkara yang saya ingin menjawabkan pada setakat ini, Tuan Yang di Pertua. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan tegoran-tegoran dan syorsyor, perkara-perkara lain tidaklah saya akan menjawab dengan secara khas begini, saya akan cuba ceritakan perkara-perkara lain manakala saya mengemukakan Head di bawah Kementerian saya.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai pelajaran semenjak perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 dan Usul yang satu lagi itu dijalankan. Oleh kerana banyak perkara-perkara yang telah di sentuh dan juga kerana sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun saya perkatakan beberapa kali, samada di dalam ataupun di luar Dewan ini, maka di sini saya akan hanya menyentuh beberapa perkara sahaja.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Utara telah mengatakan bahawa satu daripada sebab-sebab keciciran ialah kerana murid-murid tidak mempunyai buku-buku teks. Seperti mana yang telah saya maklumkan di dalam

jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan Kementerian saya masih lagi mengkaji masaaalah keciciran ini. Sebab-sebab keciciran berlaku akan hanya dapat dipastikan dengan sepenuhnya apabila kajian tersebut tamat. Dengan yang demikian, sebarang tindakan yang akan diambil bergantunglah kepada hasil kajian itu.

Tuan Yang di Pertua, saya sedar tentang kerumitan ibubapa di dalam membiayai pelajaran anak-anak mereka, terutama sekali di dalam masaaalah membeli buku-buku teks pada tiap-tiap tahun. Untuk mengurangkan masaaalah ini Kementerian saya telah menjalankan beberapa usaha untuk merakamkan bebanan ibu-bapa yang miskin dan yang tidak berkemampuan. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah perbekalan buku-buku teks secara pinjaman kepada penuntut-penuntut di luar bandar dan juga di bandar yang tidak mempunyai kemampuan membeli buku-buku teks mereka sendiri. Bagi tujuan ini Kementerian saya membelanjakan sebanyak lebih kurang \$1.2 juta tiap-tiap tahun, di samping itu baru-baru ini Kerajaan telah juga melantik sebuah Jawatankuasa Penyelaras berkenaan dengan pemberian bantuan kepada penuntut-penuntut di sekolah. Adalah diharap usaha-usaha ini akan merakamkan bebanan ibu-ibu bapa yang miskin dalam membiayai pelajaran anak-anak mereka. Saya dan pegawai-pegawai Kementerian saya juga telah mengadakan dailog dengan Persatuan Penerbit-Penerbit Malaysia mengenai harga buku-buku teks. Hasil daripada dailog ini Persatuan Penerbit-Penerbit Malaysia bersetuju menurunkan harga buku-buku teks yang cicitak oleh mereka sebanyak 10% pada tahun hadapan dan 10% lagi dalam tahun 1974. Saya akan meneruskan usaha-usaha ini untuk menjamin bahawa harga buku-buku teks di semua peringkat pengajian adalah berpatutan dan tidak lagi menjadi bebanan yang berat kepada ibu-ibu bapa, terutama sekali kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat telah menuduh bahawa mata pelajaran bahasa Inggeris telah diabaikan dan mata pelajaran ini telah merusut. Sebenarnya ini adalah tuduhan yang melulu. Kementerian saya sedar kepada peri mustahaknya mata pelajaran ini dan telah menwajibkan di kedua-dua sekolah

rendah dan menengah. Pada tahun hadapan Kementerian saya akan mengadakan satu campaign secara berbesaran supaya murid-murid sekolah belajar bahasa ini dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Guru-guru adalah dilatih semula untuk meningkatkan mutu bahasa Inggerisnya sebagai bahasa kedua.

Kementerian saya juga telah mengkaji semula Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris di kedua-dua peringkat rendah dan menengah dan semenjak awal tahun ini waktu yang diuntukkan bagi mata pelajaran ini di sekolah-sekolah kebangsaan telah ditambah daripada 180 minit kepada 300 minit seminggu.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat seterusnya telah menuduh bahawa perhatian yang memuaskan tidak diberikan kepada pengajaran bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah. Sebenarnya kemudahan-kemudahan pengajaran bahasa ibunda setiap orang murid itu telah dijamin sepenuhnya oleh Akta Pelajaran, 1961, iaitu apabila didapati wajar dan praktik diadakan dan jika sekiranya ibubapa murid-murid yang tidak kurang dari pada 15 orang meminta supaya diadakan pengajaran bahasa-bahasa tersebut. Kementerian Pelajaran mengadakannya dan ini adalah amalan Kementerian saya pada masa ini.

Berkenaan dengan nasihat-nasihat kepada murid-murid sekolah mengenai keburukan dan bencana yang dibawa oleh salahguna dadah (misuse of drugs), Kementerian Pelajaran telah memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkara ini dengan memuaskan, dengan memasukkan unsur-unsur mengenai perkara ini di dalam Sukatan Pelajaran Ilmu Kesihatan yang baharu digubalkan. Untuk menolong guru-guru sekolah menjalankan pengajaran perkara ini dengan lebih berkesan lagi, Kementerian saya pada masa ini sedang menyediakan satu risalah mengenai keburukan yang didatangkan oleh dadah. Kementerian saya akan membahagikan risalah-risalah ini ke sekolah-sekolah di awal tahun hadapan.

Di samping itu Kerajaan sendiri telah mengadakan seminar-seminar dan perjumpaan-perjumpaan di kalangan semua pihak yang berkenaan untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi mengenai

perkara dadah ini. Saya berpuas hati bahawa langkah-langkah yang telah diambil ini akan menjamin bahawa anak-anak kita tidak akan terjerumus ke lembah kehinaan akibat penghisapan dadah.

Tuan Yang di Pertua, saya sambut seruan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, yang telah juga membentangkan pendapatnya bahawa bilangan maktab-maktab teknik yang ada sekarang ini tidak mencukupi. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian Pelajaran bercadang membina sebuah lagi politeknik di Kuala Lumpur untuk menampung keperluan tenaga-tenaga terlatih di dalam bidang teknologi.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara merayu supaya ditubuhkan sebuah Maktab Perguruan Agama Islam, serta juga mengkaji semula sukatan pelajaran di semua peringkat pengajian untuk disesuaikan dengan keadaan pembangunan negara kita. Sebenarnya penubuhan sebuah maktab perguruan agama yang berasaskan tidaklah perlu kerana bilangan guru-guru yang terlatih di dalam lapangan pelajaran agama yang keluar dari maktab-maktab perguruan tempatan ataupun yayasan pengajian di luar negeri adalah mencukupi untuk memenuhi jawatan-jawatan guru agama di dalam sekolah-sekolah kita.

Mengenai cadangan beliau bahawa sukatan-sukatan pelajaran agama di semua peringkat termasuk maktab-maktab latihan perguruan dikaji semula, perkara ini telahpun dijalankan oleh Kementerian saya. Kementerian saya adalah mengkaji dari semasa ke semasa sukatan-sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah untuk menentukan yang ianya sesuai dengan perubahan zaman. Sukatan pelajaran bagi maktab-maktab perguruan sedang dikaji dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, yang telah memberikan beberapa kritikan mengenai pelajaran yang terdapat di negeri Kelantan. Di antara isi kandungan ucapan beliau yang panjang lebar itu, beliau telah menyentuh perkara kekurangan guru-guru terlatih. Sebenarnya, masalah kekurangan guru-guru terlatih dan penggunaan perkhidmatan guru-guru sementara ini bukan

istimewa untuk negeri Kelantan sahaja. Kekurangan guru-guru terlatih terutama sekali di dalam mata-mata pelajaran sains dan ilmu hisab adalah dirasai di semua negeri.

Saya sedang mencuba sedaya-upaya untuk mempercepatkan lagi penempatan guru-guru yang terlatih dan berkelayakan di semua sekolah. Perkara ini sudah tentu akan memakan masa, sementara itu perkhidmatan guru-guru sementara terpaksa digunakan untuk memenuhi kekurangan guru-guru ini. Bagi negeri Kelantan untuk tahun hadapan Kementerian Pelajaran akan menghantar 74 orang guru latihan MTC, 52 orang latihan DTC dan 111 orang lepasan universiti.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah bersusah-payah membawa beberapa naskhah buku-buku sex, yang mengatakan telah didapati dari beberapa perpustakaan sekolah di negeri Kelantan. Sebenarnya, dalam perkara membeli buku-buku untuk perpustakaan sekolah, guru-guru besar adalah diberi kebebasan memilih buku-buku yang sesuai. Saya penuh yakin dengan kebijaksanaan guru-guru besar untuk menentukan bahawa hanya buku-buku yang sesuai sahaja dibeli untuk dimuatkan di dalam perpustakaan sekolah. Kementerian saya walaupun akan menarik semula perhatian semua guru-guru besar mengenai perkara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan Universiti Nanyang, Singapura, Universiti-universiti dan Instituti-institusi di Taiwan dan di India. Saya telah menyatakan bahawa saya akan membuat satu kenyataan mengenai perkara ini esok, iaitu pada 22hb Disember, 1972. Oleh kerana saya sekarang ini sedang menjawab kepada perbincangan atas usul yang sedang dikemukakan dalam Dewan ini dan untuk menjimatkan masa Dewan ini, saya mengambil peluang untuk membuat kenyataan tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di Pertua, banyak persoalan-persoalan telah ditimbulkan di masa-masa yang lampau berhubung dengan pengiktirafan ijazah-ijazah. Telah menjadi amalan Kerajaan mengiktiraf beberapa ijazah dan kelayakan beberapa buah universiti dan instituti-institusi pengajian.

Bagi ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan, nilai-nilaiannya iaitu values adalah diberi.

Berhubung dengan ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan daripada universiti-universiti dan instituti-institusi di India, Kerajaan telahpun mengiktiraf beberapa daripada ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan.

Mengenai ijazah-ijazah dan kelayakan yang lain, yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan, nilai-nilaiannya adalah diberi.

Mengenai ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan universiti-universiti dan instituti-institusi di Taiwan, Kerajaan tidak mengiktirafkan ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan itu. Walaupun bagaimanapun, Kerajaan ada memberi nilai kepadanya.

Berhubung dengan ijazah-ijazah Universiti Nanyang, Singapura, dalam tahun 1970 Kerajaan sebagai menjawab perwakilan-perwakilan yang telah dibuat oleh Universiti Nanyang Alumni Association, tidak ada pengiktirafan boleh diberi kepada ijazah-ijazah universiti itu. Keputusan Kerajaan itu dibuat untuk kepentingan negara. Keputusan ini adalah tidak berubah, tetapi walaupun bagaimanapun Kerajaan memang memberi nilai kepada ijazah-ijazah universiti itu seperti yang diberi kepada ijazah-ijazah universiti-universiti yang lain.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana kenyataan saya yang akhir ini amatlah mustahak dan oleh kerana banyak barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat di sini hendak mendengarnya, barangkali tidak dapat dengan sepenuhnya mengikut penjelasan saya dalam Bahasa Kebangsaan, maka benarkanlah saya memberi kenyataan ini dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di Pertua, lastly, a number of Honourable Members have raised the question of the degrees and qualifications of the Nanyang University, Singapore, and Universities and Institutions in Taiwan and in India. I had indicated that I would make a statement about them tomorrow, 21st December, 1972. As I am now replying to the debate on the motion before the House and in order to save the time of the House, I shall take the opportunity to make the statement now.

Tuan Yang di Pertua, many questions have been raised in the past regarding the recognition of degrees. It has been the practice of the Government to recognise certain degrees and qualifications of certain universities and institutions. For degrees and qualifications which are not recognised by the Government, values are given. With regard to degrees and qualifications of universities and institutions in India, the Government has recognised some of the degrees and qualifications. With regard to the other degrees and qualifications which are not recognised by the Government, values are given.

As regards degrees and qualifications of universities and institutions in Taiwan, the Government does not recognise them. However, the Government does give value to them.

Lastly, as regards the degrees of the Singapore Nanyang University, in 1970, the Government in reply to representations made by the Nanyang University Alumni Association, stated that no recognition could be accorded to the degrees of the University. The Government's decision was made in the national interest. This decision remains unchanged. However, the Government does give value to them, as has been given in the case of the degrees of other universities.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 telah dibacakan kali yang kedua dan usul memaklumkan kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1973 telah disetujui.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 telah dibacakan kali yang kedua dan usul memaklumkan kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1973 telah disetujui.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, mula-mula sekali, saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap semasa perbahasan Belanjawan dan telah mengemukakan cadangan-cadangan membina bagi Kementerian saya. Setengah-setengah Ahli Yang Berhormat ada juga yang mengkritik saja hanya untuk mengkritik dan mendapat pablisiti.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, sebagaimana biasa, mengkritik terhadap tingkah laku pegawai-pegawai buruh dan perhubungan perusahaan. Beliau mengatakan mereka itu tidak berkesan. Saya yakin bahawa semua pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan kakitangannya adalah bersungguh-sungguh menjalankan tugasnya serta jujur dan penoh kesedaran—kadang-kadang dalam keadaan yang sukar. Adalah amat dukacita bahawa Ahli dari Dato Kramat itu telah mengambil kesempatan keistimewaan di Dewan ini untuk mengeluarkan kenyataan melulu dan mengkritik pegawai-pegawai Kementerian saya dan kakitangannya walaupun beliau benar-benar tahu bahawa pegawai-pegawai awam itu tidak dapat dan tidak bebas memberi jawapan kepada beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membuat tuduhan bahawa setengah dari Pegawai-pegawai Buruh telah diberikan minuman di dalam masa penyiasatan mereka. Bagi menjalankan penyiasatan atau kerja-kerja usaha damai, pegawai-pegawai itu selalunya melawat tempat-tempat pekerjaan. Mereka mengadakan temuduga bukan sahaja terhadap pihak pengurusan, tetapi juga pekerja-pekerja yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat sepenuhnya tentang

kes tertentu itu. Adalah natural bahawa mereka pergi berjumpa dengan pengurusan dahulu apabila memasuki tempat pekerjaan. Saya suka memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai saya adalah tidak berat sebelah di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga membangkitkan tentang Lembaga Kumpulanwang Orang-orang India Selatan dan pentadbirannya. Beliau menyatakan sikap bersahaja tentang Lembaga itu dalam memberi bantuan bagi pelajaran anak-anak pekerja-pekerja India Selatan. Sebenarnya tidak ada sesuatu yang ganjil tentang Lembaga atau pentadbirannya. Sebagaimana yang beliau sedar bahawa tujuan utama Tabung itu adalah untuk memberikan bantuan Kewangan kepada orang-orang tua dan membantu pekerja-pekerja India Selatan serta tanggungan mereka yang memerlukan bantuan; bagi menjaga Rumah Orang Tua dan menjaga orang-orang tua India Selatan itu; dan membayar perbelanjaan bagi pekerja-pekerja India Selatan dan tanggungan mereka untuk kembali ke India, dengan syarat mereka berhak untuk kembali ke India.

Walaupun masaalah memberikan biasiswa tidak timbul dari sekop SILFB, Lembaga itu, atas permintaan Menteri, telah memutuskan dalam tahun 1962 untuk memberikan biasiswa kepada anak-anak pekerja India Selatan yang patut menerimanya. Semenjak itu, 468 biasiswa yang bernilai \$375,000 telah dikeluarkan. Disamping itu, sejumlah \$95,000 dalam bentuk biasiswa dan pinjaman telah diberikan kepada 38 murid-murid dalam Institute pengajian tinggi.

Sebanyak \$76,273.39 sebagaimana yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu sebagai gaji dan elaun yang dibayar kepada pekerja-pekerja dalam 1970 adalah seperti berikut:

(i) Rumah Orang Tua Nibong Tebal (140 yang tinggal di dalam) (11 pekerja)	\$17,767.10
(ii) Rumah India Selatan Kuala Lumpur (120 yang tinggal di dalam) (14 pekerja)	21,700.80
(iii) Kem Pemudahan, Sungai Pinang, Pulau Pinang (2 pekerja)	9,323.20
(iv) Pejabat Besar Lembaga (5 pekerja)	24,482.29
	\$76,273.39

Ini jelas menunjukkan bahawa tidak seorang pun dari ahli Lembaga itu menerima sebarang bayaran samada sebagai gaji atau elaun. Sebenarnya, kebanyakan ahli-ahli itu tidak mahu membuat tuntutan perjalanan mereka.

Oleh yang demikian dapat diperhatikan bahawa hampir \$½ juta dari Tabung itu telah dibelanjakan terhadap pelajaran bagi anak-anak pekerja-pekerja India Selatan yang patut menerimanya. Butir-butir lanjut pengeluaran Biasiswa Lembaga ini dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada Ketua Pegawai Pelajaran di seluruh Negeri.

Adalah tidak diketahui umum bahawa Tabung Wang itu berjalan pada tiap-tiap tahun dengan secara "deficit" sejak enam tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan akan terus memberikan biasiswa dan pinjaman kepada mereka yang patut menerimanya. Lembaga itu akan terus mengkaji bidang pergerakannya dan mengkaji kemungkinan memberikan bantuan kepada orang-orang yang memerlukannya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga telah mencela undang-undang buruh kita. Ini tidaklah mengejutkan samasekali kerana beliau sudah kehabisan modal. Mengenai undang-undang buruh kita, saya telah beberapa kali menyatakan di Dewan ini bahawa undang-undang kita adalah sentiasa dikaji dan jika didapati perlu memandangkan kepentingan negara, undang-undang ini adalah dipinda. Sebenarnya, Kerajaan adalah bercadang bagi mengadakan pindaan-pindaan terhadap Akta Perhubungan Perusahaan dan Ordinan Kesatuan Sekerja dan deraf pindaan-pindaan yang dicadangkan itu telahpun dikemukakan kepada MTUC dan MCEO untuk ulasan mereka.

Beliau juga memuji dasar buruh di negara jiran kita. Saya ingin tahu sebagai siapakah beliau menyatakan pandangan itu. Jika itu dilakukan sebagai seorang wakil pekerja, saya tidak tahu samada beliau mendapat mandat dari MTUC. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebagai Yang di Pertua MTUC boleh menolong menjelaskan perkara ini. Mengenai perkara ini, saya suka meminta beliau menyatakan dengan

tegas samada beliau mahu Kerajaan kita menjalankan dasar seperti negara jiran itu mengenai pergerakan Kesatuan sekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bercakap tentang perlunya untuk mengkaji Akta Perhubungan Perusahaan dan Ordinan Kesatuan Sekerja. Beliau sudah tentu sedar tentang niat Kerajaan untuk meminda perbekalan-perbekalan tertentu mengenai kedua-dua undang-undang itu kerana prinsip-prinsip umum mengenai cadangan pindaan-pindaan itu telahpun dibincangkan baru-baru ini oleh Jawatankuasa Undang-undang Buruh—NJLAC—dalam mana beliau sebagai seorang Ahli telah juga hadir.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah membangkitkan soal keadaan rumah-rumah buruh di setengah-setengah ladang. Pegawai-pegawai Jabatan Buruh mengadakan lawatan-lawatan ke ladang-ladang bagi menentukan supaya tempat-tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh ladang adalah mengikut piawai yang dibekalkan di bawah undang-undang. Keseluruhannya, kebanyakan ladang-ladang mengikut kehendak undang-undang. Walaubagaimanapun, mungkin ada setengah-setengah ladang yang menyediakan rumah-rumah tempat tinggal yang di bawah dari kehendak piawaian. Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru majikan-majikan ladang bagi menentukan bahawa rumah-rumah buruh adalah mengikut piawaian yang dibekalkan di bawah undang-undang. Walaubagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat dapat memberikan ke Kementerian tentang butir-butir lanjut ladang yang berkenaan itu, kita akan menyiasat perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara dan Kluang Utara mengemukakan soal gaji rendah yang didapati oleh setengah-setengah pekerja. Kerajaan sedar tentang peringkat gaji ini di beberapa perusahaan. Sebenarnya, Kerajaan sedang memberikan pertimbangan yang bersungguh-sungguh untuk mengadakan Majlis Gaji bagi melindungi pekerja-pekerja perusahaan Textile dan Elektronik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk memberi beberapa penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah membuat teguran terhadap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur telah menuduh Kerajaan menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 terhadap 7 orang pemuda dan pemudi yang telah ditahan di bawah Akta tersebut dan menyeru Kerajaan membebaskan mereka itu dengan seberapa segera yang boleh.

Memang benar 7 orang yang terdiri daripada seorang pemuda India, 6 orang pemuda Cina termasuk 3 orang wanita telah ditahan oleh pihak polis di Port Dickson pada sebelah pagi 1hb Disember, 1972 kerana disyaki melaksanakan kegiatan-kegiatan yang memudharatkan keselamatan negara. Mereka itu masih ditahan oleh pihak polis di bawah kuasa-kuasa Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk disiasat dengan telitinya kegiatan-kegiatan mereka itu. Oleh yang demikian, soal membebaskan mereka itu adalah bergantung kepada hasil penyiasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur juga telah menyeru Kerajaan supaya memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 oleh kerana mengikut beliau Akta tersebut telah disalahgunakan bagi menahan orang-orang yang mempunyai sikap atau idiologi yang berlainan daripada parti yang memerintah. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa pada 7 haribulan Julai, 1971 semasa menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 1970, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menjelaskan kepada Dewan ini bahawa tujuan Akta tersebut ialah untuk mencegah seseorang itu daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang memudharatkan keselamatan negara atau yang memudharatkan perkhidmatan-perkhidmatan penting, ataupun yang memudharatkan kehidupan ekonomi Persekutuan. Saya ingin hendak menegaskan sekali lagi di sini bahawa tindakan mengikut kuasa-kuasa Akta tersebut tidak pernah digunakan ke atas seseorang dengan alasan ianya mempunyai hubungan ataupun menjadi ahli sebuah parti politik. Nampaknya telah

menjadi tabiat Ahli Yang Berhormat membangkit-bangkitkan perkara yang telah dijawab beberapa kali dalam Dewan ini. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi saya memberi jawapan yang lebih lanjut dan memanjangkan perkara ini lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan telah mengatakan bahawa kawalan lalu-lintas di sempadan kurang memuaskan oleh kerana dua orang Pegawai Imigresyen ditempatkan di Sungai Golok tidak dapat mengawal dengan cekap orang-orang yang berulang-alek dan meminta supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah keselamatan yang tertentu dalam hal ini. Dalam perkara ini, saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pintu-pintu masuk yang sah dari segi Undang-undang Imigresyen bagi orang-orang dari Sungai Golok, Negeri Thailand masuk ke negeri ini melalui Rantau Panjang ialah seperti berikut :

- (1) Dengan keretapi dari Negeri Thai ke Rantau Panjang arah ke stesyen keretapi; dan
- (2) Dengan jambatan menyeberangi Sungai Golok di Rantau Panjang.

Pegawai-pegawai Imigresyen adalah bertugas di tempat-tempat tersebut daripada pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang. Pegawai-pegawai yang bertugas itu adalah mengikut giliran, iaitu satu pasukan yang mengandungi seorang Merinyu Kecil Imigresyen dan 4 orang Pegawai Imigresyen dari pukul 6.00 pagi hingga 1.00 petang dan 1.00 petang hingga 6.00 petang ataupun sehingga keretapi terakhir pada hari itu balek ke Kelantan dari Sungai Golok.

Untuk melaksanakan pemeriksaan lalu-lintas di jambatan yang menyeberangi Sungai Golok di Rantau Panjang, maka sebuah pondok telah didirikan berdekatan dengan jambatan keretapi itu. Di situ pada waktu-waktu yang tersebut dua orang Pegawai Imigresyen ditempatkan untuk menjalankan tugas-tugas pemeriksaan imigresyen. Pada hari yang sibuk dan ramai lalu-lintas di jambatan itu, maka pegawai-pegawai tambahan dari pejabat dan pegawai-pegawai yang bertugas di stesyen keretapi, jika pada waktu itu keretapi tidak ada, adalah dihantar ke pondok tersebut. Peraturan tersebut sudahpun berjalan dan adalah memuaskan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 13hb Disember, 1972 berhubung dengan buku-buku sex yang dikatakan didapati dijual merata-merata dan juga di perpustakaan sekolah-sekolah. Teguran ini yang sebenarnya ditujukan kepada Kementerian Pelajaran dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun memberi penjelasan berkenaan ini. Bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula, Kementerian ini sedang dan akan mengambil perhatian berat atas perkara ini. Pasukan polis senentiasa menggelidai kedai-kedai buku yang disyaki menjual buku-buku ataupun menyimpan majallah-majallah yang dikatakan ada unsur-unsur lucah dan tindakan undang-undang seterusnya diambil.

Ahli Yang Berhormat itu telah sanggup memberi senarai buku-buku dan majallah-majallah yang dikatakan lucah itu. Saya menunggu-nunggu senarai itu untuk Kementerian saya mengkaji kandungan buku-buku yang dimaksudkan dan membolehkan Kementerian saya mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah membangkitkan perkara surat perkelilingan yang dikatakan telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Nampaknya adalah menjadi satu tabiat Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan perkara yang telahpun selesai dijawab di dalam persidangan Dewan ini. Selaku Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail telahpun menjawab dengan panjang-lebarnya terhadap soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu pada 10-8-72. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sila lihat Penyata Resmi Dewan Rakyat Jilid II, Bilangan 15, muka surat 43 bertarikh 10hb Ogos, 1972.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah membuat beberapa tuduhan terhadap pasukan polis. Tuduhan-tuduhan itu :

- (1) Seorang pemuda teksi bernama, Kam Cheng Chew dikatakan telah ditendang pada tulang keringnya sebelah kiri di khalayak ramai di Jalan Kampar, Ipoh oleh seorang pegawai trafik polis pada

23-8-72. Pemandu teksi itu telah membuat aduan yang dicatatkan sebagai lapuran polis No. 391 tahun 1972.

Perkara ini mungkin dikaitkan semasa polis lalu-lintas Ipoh membuat pemeriksaan terhadap kereta-kereta di Jalan Simpang Pulai. Pengaduan yang dilaporkan oleh Kam Cheng Chew telah dikaji oleh Timbalan Pendakwa Raya, Perak dan didapati oleh Timbalan Pendakwa Raya itu tidak ada bukti yang cukup untuk didakwa di Mahkamah.

- (2) Berkenaan dengan 4 orang pemuda telah ditahan di Batu Gajah oleh pihak polis pada 28-9-72 atas satu kesalahan dan Ahli Yang Berhormat itu telah mendakwa bahawa mereka telah dipukul semasa dalam tahanan. Seorang daripada pemuda itu bernama Osman bin Mat Yusoh dikatakan telah dipukul dengan teruk sehingga mukanya menjadi bengkak. Osman bin Mat Yusoh dan 3 orang rakannya memang benar telah ditangkap pada 28-9-72 di Batu Gajah dan telah dituduh di Mahkamah atas kesalahan mencuri besi buruk iaitu scrap iron. Keempat-keempat mereka telah mengaku salah atas tuduhan tersebut dan dikenakan hukuman penjara. Semasa Osman bin Mat Yusoh dalam tahanan beliau telah diperiksa oleh pegawai perubatan Taiping dan didapati dalam keadaan sehat serta tiada bekas-bekas kena pukul. Oleh yang demikian, nampaknya tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar.

- (3) Berkenaan seorang yang bernama Wong Kim Yit telah ditahan oleh polis pada 29.9.72 di Stesyen Keretapi Taiping atas tuduhan mencuri dan telah dipukul oleh pihak polis, katanya, di hadapan orang ramai di tempat itu juga. Seorang saksi yang melihat kejadian itu ialah Chan Chooi, katanya. Adalah benar bahawa Wong Kim Yit telah ditangkap oleh pihak polis di stesyen keretapi Taiping dan telah ditahan di Balai Polis Taiping untuk di soal sebab disyaki terlibat di dalam kecurian hartabenda yang dianggarkan bernilai \$2,900, mengikut lapuran polis Aulong, Taiping Nombor 339/72. Walau bagaimanapun beliau telah dibebaskan dalam masa 24 jam. Atas

tuduhan bahawa Wong Kit Yit telah dipukul oleh polis di hadapan orang ramai adalah sukar bagi dipastikan, kerana setakat ini tiada pengaduan rasmi dibuat oleh subject yang berkenaan, kepada pihak polis. Polis telah cuba menghubungi Wong Kim Yit untuk menasihatkan beliau membuat pengaduan supaya siasatan dapat dijalankan, tetapi sehingga ini beliau tidak dapat dikesan. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat menasihatkan menghubungi pihak polis dengan seberapa segera bagi membolehkan sesuatu siasatan dijalankan.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa orang yang ditahan tidak dibenarkan menemui peguam mereka, ini adalah tidak benar.

Selaras dengan peruntukan Perkara 5 (3) Perlembagaan, seseorang yang ditahan oleh pihak polis adalah dibenarkan hak pembelaannya dengan seberapa segera yang boleh iaitu dalam perkataan bahasa Inggeris, "as soon as may be", seperti yang dinyatakan dalam Artikel itu. Oleh kerana mustahak untuk menamatkan penyiasatan demi kepentingan keadilan, ada kalanya seorang peguam itu tidak boleh dibenarkan menemui anak-guamnya dengan serta-merta. Akan tetapi beliau dibenarkan menemui sebaik-baik sahaja difikirkan patut. Dalam bahasa Inggeris, "as soon as reasonably practical".

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya seorang peguam itu dibenarkan duduk di sebelah orang yang dituduh semasa perbicaraan dijalankan, saya berpendapat bahawa sistem yang diamalkan sekarang ini adalah memuaskan. Samada seseorang yang dituduh itu duduk di sisi peguamnya atau tidak, beliau masih berhak untuk berunding dengan peguamnya semasa perjalanan bicara.

Tentang syor Ahli Yang Berhormat supaya satu Suruhanjaya Penyiasat diwujudkan untuk menyiasat tuduhan-tuduhan mengenai Pasokan Polis menggunakan kekerasan terhadap orang awam, cadangan ini tidak boleh diterima oleh kerana peraturan yang tertentu sudahpun diperuntukkan di bawah undang-undang yang ada sekarang. Mengikut Criminal Procedure Code, seseorang yang telah menjadi mangsa kekejaman pihak yang berkuasa, adalah dikehendaki membuat

pengaduan rasmi di-mana-mana jua balai polis untuk mendapat keutusan bagi tindakan yang selanjutnya oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengkritik keliwatan Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap jenayah perdagangan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat sangat suka membangkitkan perkara lama yang telahpun diselesaikan oleh Kerajaan untuk kepentingan awam.

Perkara berkenaan insuran yang disentuhnya itu sudahpun terkawal oleh Akta Insuran No. 1 tahun 1963. Begitu juga mengenai perniagaan-perniagaan yang menganjur wang kutu yang sekarang diharamkan mengikut Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu No. 28 tahun 1971. Syarikat-syarikat Pinjaman Wang pun sekarang dikawal mengikut Akta Hire Purchase No. 24 tahun 1967. Kedudukan yang sama juga didapati manakala peminjam-peminjam wang di bawah Ordinan Money Lender No. 42 tahun 1951.

Dengan berjalannya kuatkuasa undang-undang seperti tersebut di atas itu, pihak polis yang bertanggungjawab untuk mengamalkan tindakan di atas kesalahan-kesalahan yang tertentu menyentuh perkara-perkara yang berkenaan ada mempunyai kuasa yang mencukupi. Beberapa pendawaan telah berjaya apabila dikemukakan oleh pihak polis ke mahkamah.

Dalam perbahasan pada 15hb Disember, 1972, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta telah menyentuh beberapa perkara mengenai Jabatan Imigresen. Pertama beliau telah menyebut tentang Pejabat Imigresen di Ipoh yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak mempunyai kakitangan yang cukup.

Berhubung dengan ini yang sebenarnya dalam keadaan-keadaan biasa kakitangan yang ditempatkan di Pejabat Imigresen Ipoh itu adalah memadai untuk mengendalikan urusan-urusan imigresen bagi penduduk-penduduk di situ. Kebetulan pula di musim-musim ini terutama cuti-cuti penggal sekolah bilangan orang-orang yang memohon paspot, lebih-lebih lagi mereka yang memohon Pasport Terhad (Restricted Passport) Malaysia untuk ke Singapura bertambah begitu banyak dan pada masa-masa seperti inilah didapati kakitangan yang ditempatkan di situ tidak cukup untuk mengendalikan orang ramai.

Walaubagaimanapun masalah ini di atasi dengan cara mengambil "redeploy" kakitangan-kakitangan daripada Pejabat-pejabat Imigresen yang lain untuk membantu mengendalikan urusan-urusan imigresen di situ dan selama ini cara seperti ini telah didapati memuaskan.

Ahli Yang Berhormat itu telah mengesyorkan supaya pegawai dan kakitangan di Pejabat Imigresen Ipoh ditambah. Jika ini dilakukan pada hari-hari biasa selama lapan ataupun sembilan bulan dalam setahun, sebahagian besar pegawai-pegawai dan kakitangan di pejabat itu akan hanya termungumungu memanaskan kerusi-kerusi mereka dengan tidak ada apa-apa yang hendak dibuat dan ini tentulah membazirkan wang negara.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang keadaan Pejabat-pejabat Imigresen di sempadan Thai. Beliau menyatakan Pejabat-pejabat Imigresen kita adalah sub-standard dan kemudahan-kemudahan yang diadakan tidak mencukupi. Di samping itu beliau juga telah membandingkan Pejabat Imigresen kita di Changlong dengan Pejabat Imigresen Thai di Sadau. Terutama sekali saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tujuan Kerajaan ialah untuk mengadakan perkhidmatan yang sebaik-baik yang mungkin dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi. Tidakkah patut kita hanya membandingkan bangunan. Bukanlah tujuan kita untuk berlumba-lumba atau bertanding. Walaubagaimanapun untuk pengetahuan lanjut Ahli Yang Berhormat itu, saya menyatakan serba sedikit tentang Pejabat-pejabat Imigresen kita di sempadan Thai itu:

- (1) Di Padang Besar, kita mempunyai Pejabat Imigresen yang moden dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan untuk pelancung-pelancung yang masuk melalui tempat itu.
- (2) Di Rantau Panjang kita sedang membina pejabat baharu dan pembinaan bangunannya sedang dilaksanakan. Di Changlong pula kita akan menggantikan bangunan yang ada sekarang itu di tapak yang lain lebih hampir ke sempadan dan peruntukan bagi pembinaan pejabat itu telahpun disediakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang Pas Sempadan. Beliau mengatakan rakyat Thai yang menggunakan pas itu tidak dapat masuk hingga ke Kuala Lumpur.

Di sini saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada perkataan "border" ataupun sempadan. Nama "Border Pass" ataupun Pas Sempadan itu dengan sendirinya telah menerangkan maksud serta had kegunaannya dan guna pas itu hanyalah untuk memberi kemudahan kepada orang-orang di kedua-dua buah negara yang tinggal berhampiran dengan sempadan dan tidaklah pas itu dapat kita samakan dengan passport antarabangsa.

Wakil dari Ulu Selangor telah menimbulkan soal Simplified Chinese Characters di mana beliau minta Kerajaan mengkaji kegunaan Simplified Chinese Characters ini di akhbar-akhbar dan majallah-majallah. Perkara ini telah lama diselesaikan dan saya percaya orang ramai telahpun mengetahui kedudukan perkara ini yang sebenarnya. Simplified Chinese Characters ini telah diluluskan hampir tiga tahun yang lalu iaitu pada 14hb Februari, 1970. Jadi jika ianya masih belum digunakan bukanlah kesalahan sesiapa lagi. Pada 16hb Disember, 1972 perwakilan kaum Cina telah menemui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan beliau telah menegaskan bahawa beliau tidak ada apa-apa halangan terhadap perkara ini dan sekarang terpulanglah kepada kaum Cina untuk menggunakan atau tidak Simplified Chinese Characters itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah menyatakan bahawa semasa beliau pergi ke gereja pada hari Ahad lepas, dia telah terperanjat mendengar yang Padri dalam gereja itu telah membacakan utusan berhubung dengan aduan terhadap tekanan ugama terutama sekali orang-orang Kristian mazhab Catholic di Sabah oleh pihak-berkuasa. Beliau juga menyebut bahawa ada empat orang padri telah ditahan dan ditangkap tanpa diberi apa-apa sebab.

Perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin menjelaskan bahawa tindakan yang diambil terhadap Padri-padri seperti yang disebutkan oleh beliau itu ada kerana mereka telah bersalah di bawah Undang-undang Immigration Ordinance No. 12 tahun 1959 dan adalah

dimaklumkan bahawa Pas-pas Kerja yang diberi kepada mereka itu telah tamat tempohnya dan rayuan-rayuan mereka berik特 daripada itu juga telah ditolak oleh pihak yang berkenaan, oleh yang berkuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa berbuat demikian di bawah Immigration Act, 1963. Mereka juga telah diberitahu oleh Jabatan Imigresen Sabah bahawa oleh sebab tempoh tinggal mereka di Sabah telah tamat maka mereka berada di Sabah itu adalah dengan secara haram. Selepas itu mereka telah diberi pas khas selama 14 hari untuk membuat persiapan meninggalkan negeri Sabah tetapi mereka enggan berbuat demikian. Maka dengan itu jelaslah bahawa mereka tinggal di Sabah dengan tidak mempunyai kebenaran dari Jabatan Imigresen di bawah Seksyen 15 Immigration Ordinance, 1959 yang berbunyi berikut, kalau Tuan Yang di Pertua izinkan saya membaca:

Section 15—

"A person shall not remain in the Federation after the cancellation of any permit or certificate or after the making of a declaration under the provisions of sub-section (4) of Section 14, or after the expiration or notification to him in such manner as may be prescribed of the cancellation of any pass relating to or issued to him unless he is otherwise entitled or authorised to remain in the Federation under the provisions of this Ordinance or any regulations made thereunder."

Oleh sebab mereka telah melanggar undang-undang itu, maka mereka boleh dikeluarkan dari negeri Sabah mengikut Seksyen 33 Immigration Ordinance, 1959 yang berbunyi seperti berikut:

"Where the presence of any person in the Federation is unlawful by reason of the provision of Section 15 or 16, such person shall, whether or not any proceedings are taken against him in respect of any offence against this Ordinance under that Section, be liable to be removed from the Federation by order of the Controller."

Adalah diingatkan bahawa undang-undang yang disebutkan tadi itu berkuatkuasa ke atas sesiapa sahaja tanpa perbezaan.

Saya berharap dengan penjelasan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan faham bahawa tindakan yang diambil terhadap Padri-padri yang berkenaan itu oleh Pejabat Imigresen Sabah adalah semata-mata kerana mereka telah melanggar Undang-undang Imigresen.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya bangun bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk memberi penjelasan atas satu dua perkara berhubung dengan teguran-teguran, atau syor-syor terhadap Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara telah menyentuh satu subject yang sangat interesting iaitu colour T.V. Beliau telah mendesak supaya pihak Kementerian Penerangan memikirkan secara serious supaya colour T.V. dapat diwujudkan sesuai dengan kemajuan negara yang berjalan pada hari ini.

Suka saya hendak memaklumkan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan telah pun mengarahkan supaya menyediakan satu blue print bagi dikemukakan kepada Kerajaan berhubung dengan soal colour T.V. ini. Pihak Kementerian Penerangan berpendapat bahawa colour T.V. adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan, malah dipaksakan kepada kita, kerana pihak pengeluar alat-alat T.V. sekarang ini bolehlah dikatakan tidak lagi mengambil berat untuk mengeluarkan alat-alat T.V. black and white. Jika kita tidak mengambil satu-satu langkah, maka ada kemungkinan satu hari nanti kita tidak mendapat alat-alat black and white atau spare parts. Trend seluruh dunia hari ini ialah untuk menukarkan T.V. atau sistem perkhidmatan T.V. daripada black and white kepada colour.

Yang sebenarnya, pihak Kementerian Penerangan telah pun secara sedikit-sedikit membeli alat-alat pemancar yang ada; apa yang kita panggil colour compatible, dan beberapa alat-alat pemancar tambahan yang dibeli dalam masa 2-3 tahun yang lalu adalah colour compatible, tetapi boleh juga menyalurkan film-film black and white. Cara-cara yang dijalankan oleh Kementerian ini dalam 2-3 tahun yang lalu ialah:

Dalam, 1971—di bawah rancangan meluaskan talivisyen ke kawasan-kawasan

pendalaman, maka Kementerian telah mengambil perhatian atas soal colour ini dan sebanyak 5 transmitter telah disiapkan dalam tahun itu dan transmitter-transmitter ini sesuai untuk colour. Apa yang diperlukan semata-mata adaptornya sahaja untuk membolehkan filem-filem colour disalurkan dari Angkasapuri ke peti-peti T.V. Begitu juga transmitter di Sabah adalah colour compatible dan yang diperlukan semata-mata adaptornya sahaja. Begitu juga, di bawah rancangan sekarang ini 7 transmitter T.V. sedang diuruskan dan di bawah peringkat yang 7 transmitter ini kelengkapan colour ataupun adaptornya itu ada disiapkan sekali.

Dengan ini bermakna apabila kita memutuskan untuk menyiarkan colour filem, maka transmitter-transmitter ini bolehlah menyalurkan filem-filem colour terus ke rumah orang-orang yang ada peti talivisyen yang bercolour. Begitu juga, dengan transmitter-transmitter yang sekarang ini sedang dipasang untuk mengadakan T.V. di Sarawak adalah cukup dengan colour adaptornya dan tidaklah memerlukan apa-apa alat yang diperlukan lagi.

Peringkat satu lagi ialah berperingkat permulaan iaitu apabila talivisyen dimulakan hampir-hampir 10 tahun yang lalu, di waktu itu 9 transmitter telah di pasang untuk memulakan pilot talivisyen di negara kita dan pada tahun 1964 itulah kali pertama transmitter kita yang 9 ini berjalan. Transmitter-transmitter TV ini maxima umurnya 10 tahun. Jadi pada tahun 1974, 9 transmitter yang dipasang pada tahun 1964 itu bermakna berumur 10 tahun. Jadi mahu tidak mahu 1974 transmitter-transmitter ini kena kita ganti. Cara kita mengganti itu oleh kerana kita telah pun separuh daripada transmitter kita pada hari ini seluruh tanah air ialah colour compatible, maka begitu juga rancangan mengganti transmitter yang 9 ini patut siap pada tahun 1974 juga colour compatible. Dengan mengambil kesempatan itu, maka bermaknalah pada tahun 1974 seluruh transmitter samada transmitter yang dipasang tahun 1971 ataupun yang sedang dipasang di bawah rancangan Malaysia yang kedua hari ini ataupun yang terpaksa di pasang tahun 1974 pada waktu itu apabila transmitter yang 9 lagi itu dikomisenkan maka bermaknalah seluruh tanah air kita

mempunyai transmitter-transmitter yang boleh menyalurkan colour-colour filem dari Angkasapuri ke seluruh negara kita.

Dengan adanya persiapan-persiapan itu, maka blue print yang disediakan ini merancang hendak mengadakan colour talivisyen ini dalam tiga peringkat. Dalam tahun 1975 iaitu peringkat pertama, kita bercadang hendak memulakan kalau segalanya berjalan dengan baik pada kali pertamanya colour TV dapat diwujudkan di Malaysia.

Pada peringkat yang pertama ini, kita hanya bercadang hendak menyalurkan syndicated film ataupun filem-filem dari luar negeri yang pada hari ini boleh dikatakan hampir-hampir semua menggunakan colour. Seperti football daripada Munich baharu-baharu ini yang kita bawa terus-menurus ke negara kita—football itu telecast itu sampai ke Kuantan colour, tetapi oleh kerana kita belum siap lagi hanya sampai ke Kuantan sahaja dan tidak sampai kita salurkan ke peti-peti talivisyen yang lain.

Pada peringkat yang pertama tahun 1975 ini, kita harap dapat memulakan service colour talivisyen dengan menunjukkan semata-mata syndicated film.

Dan peringkat yang kedua iaitu tahun 1978 kita mengharapkan beberapa keluaran tempatan atau local production dikeluarkan secara bercolour. Dengan space ini dapatlah kita menyiapkan studio-studio kita yang kita fikir perlu disiapkan untuk alat-alat TV yang berwarna-warni.

Pada tahun 1978 itu juga kita berharap colour TV dapat juga dihantar ke Sabah dan Sarawak. Dan peringkat yang ketiga iaitu pada tahun 1980 kita mengharapkan proses mengadakan colour TV ini dapat disempurnakan dan pada tahun 1980 itulah barangkali dapat kita mengadakan colour TV ini pada dua-dua saluran ataupun network satu dan network dua—saluran satu ataupun saluran dua. Sebelum itu kita hanya dapat menyalurkan colour talivisyen ini—colour film dalam satu channel sahaja.

Kita berharap perkara-perkara ini dapat diselesaikan kerana kita melangkah ke hadapan itu, mahu tidak mahu pada hari ini kita kena memikirkan soal colour talivisyen ini kerana pihak pengeluar, seperti saya

katakan tadi kurang sangat pada waktu ini mengeluarkan alat-alat talivisyen secara black and white.

Begitu juga filem-filem yang datang daripada luar negeri hari ini bolehlah dikatakan semuanya colour dan jika kemudahan-kemudahan ini dapat dibawa ke negara kita mengapa pula kita tidak menggunakan alat-alat kemudahan yang dibawa oleh kemajuan sains dan teknologi ini. Jadi itulah yang berhubung dengan soal colour T.V. yang dikemukakan oleh wakil dari Johor Tenggara itu.

Satu perkara lagi ialah dikemukakan oleh wakil dari Kampar. Beliau menuduh Bakat T.V. yang disiarkan ataupun dijalankan oleh T.V. Malaysia terlalu Western. Barangkali wakil itu semata-mata mengambil atau memandang atau membuat keputusan daripada pakaian-pakaian ataupun instrument-instrument yang digunakan oleh mereka sahaja. Apa yang sebenarnya berlaku mulai dari tahun 1972 iaitu Bakat T.V. yang baru lalu kita telah mara lagi setapak ke hadapan dengan meminta atau mensyaratkan peserta-peserta itu mengambil bahagian penuh dalam soal national identity kita.

Dalam tahun 1972 Bakat T.V. tahun itu pada kali pertamanya kita telah meletakkan syarat iaitu tiap-tiap peserta itu diwajibkan menyanyi atau memainkan lagu bercorak Malaysia dan juga dalam bahasa Malaysia dan satu lagi lagu adalah pilihan mereka sendiri. Kita terpaksa membuat demikian kerana kalau kita buat sekali gus seluruh lagu itu dinyanyikan dalam bahasa Malaysia, maka ada kemungkinan pemuda-pemuda kita yang belum mahir lagi dengan bahasa Malaysia atau lagu-lagu Malaysia ini tidak dapat mengambil bahagian. Jadi orang-orang pemuda yang bukan daripada orang Melayu tidak mengambil bahagian dalam Bakat T.V., maka bermaknalah Bakat T.V. itu semata-mata untuk Malay affairs sahaja. Kita berkehendakkan Bakat T.V. dikeluarkan oleh Talivisyen Malaysia itu bukan sahaja ditumpukan kepada pemuda-pemuda Melayu tetapi juga kepada pemuda-pemuda dari bangsa-bangsa yang lain. Tetapi insya Allah dengan sambutan kita terima Bakat T.V. yang baru lalu nampaknya dapat memuaskan dan kita harap dapat memajukan dari satu masa ke satu masa supaya benar-benar Bakat T.V. itu bercorak Malaysia.

Kalau kita ambil dari segi baju barangkali tidak boleh kita ukur Bakat T.V. itu tidak mempunyai unsur Malaysia. Apa yang kita perlukan bukan dari segi baju mereka, tetapi isi yang kita hendakkan atau syarat yang kita kenakan pada peserta-peserta itu. Soal baju ini kita bebaskan pada mereka kerana kita tahu artis-artis ini dia suka baju-baju yang agak pelik-pelik sedikit, tetapi itu bolehlah kita dikatakan pakaian orang-orang artis dan mereka panggil baju-baju yang bergrovvy sahaja, bukanlah bercorak Western.

Satu lagi perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara yang susah hati pada soal iklan, kata dia slogan iklan yang dikeluarkan itu tidak kena dengan barang-barangnya ataupun berlebih-lebihan. Jadi kita juga sedang meneliti perkara ini dan yang sebenarnya slogan-slogan atau iklan-iklan yang keluar pada hari ini adalah filem-filem yang dibuat dari luar negeri yang kontereknya telah lama kita tandatangani. Walau bagaimanapun, satu usaha sedang dijalankan supaya bukan sahaja barang-barang yang diiklankan itu atau slogan-slogan itu benar-benar menuju kepada barang-barangnya, tetapi juga kita bercadang hendak menjalankan menerusi iklan ini menunjukkan national identity kita. Dengan cara begitu, maka kita telah dapat bersetujuan di antara Kementerian Penerangan dengan pihak-pihak iklan, satu kajian sekarang ini sedang dibuat dan telahpun bersetuju code of advertising standard and practice diwujudkan supaya standard iklan ini juga dapat melahirkan identity Malaysia kepada orang-orang kita menerusi talivisyen kita.

Satu lagi perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan. Beliau berkehendakkan pihak Kementerian Penerangan Radio, dan T.V., katanya, supaya memberi penerangan yang sejelas-jelasnya berhubung dengan soal kenaikan cukai. Suka saya hendak menyebutkan di sini bahawa kempen telahpun dijalankan, khasnya T.V. dan radio berhubung dengan soal kenaikan cukai ini pada hari yang diumumkan oleh Menteri Kewangan sendiri. Pada malam itu juga kita telah mengadakan program-program, hatta nama-nama barang dikeluarkan dari radio dan T.V., apakah jenis barang yang cukainya dinaikkan. Dan kempen itu sedang berjalan sehingga hari ini dan begitu juga Pegawai-pegawai Penerangan (Field Officers) sana menjalankan kempen untuk

menerangkan perkara ini dan yang kita buat diaras screen talivisyen kita, kita sebutkan item-itemnya yang cukainya naik supaya orang-ramai tahu dan apabila mereka itu tahu kita dapatlah reaksi-reaksi daripada orang-ramai dan apabila reaksi itu timbul, maka dapatlah kita trace atau cari punca dan siapakah yang mengambil kesempatan dalam soal kenaikan cukai ini. Tujuan kita mengeluarkan di T.V. itu senarai-senarai barang-barang yang naik cukai membolehkan orang-ramai tahu dan faham benar-benar dan mengelakkan kepada ahli-ahli perniagaan daripada mengambil kesempatan terhadap kenaikan cukai yang kita baru umumkan ini. Masaalah yang ada pada hari ini ialah untuk mendapatkan feed back atau reaksi daripada orang-ramai, pihak manakah yang mengambil kesempatan maka itulah kita meminta Pegawai-pegawai Penerangan kita daripada radio dan T.V. dan Penerangan telahpun berhubung dengan pegawai-pegawai Kementerian-kementerian yang berkenaan, Kewangan dan Perindustrian untuk mendapatkan perkara yang jelas dan mendapatkan balik feed back daripada orang kampung. Apa yang saya harapkan dari pihak Kemnterian ini orang-orang kita dapat memberitahu atau Wakil-wakil Rakyat di mana-mana juga dapat menjadi telinga dan mata Kerajaan untuk membawa kepengetahuan pihak yang berkuasa mana-mana pihak yang mengambil kesempatan terhadap kenaikan cukai ini.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Santubong, Sarawak, meminta supaya talivisyen dapat diadakan di Sarawak tahun hadapan. Barangkali tahun hadapan tidak mungkin dapat kita beri talivisyen di sana, kerana persiapan-persiapan tidak dapat T.V. bearers itu tidak dapat lagi, belum siap dipasang, tetapi mengikut jadual kita tahun 1974 insya Allah T.V. di Sarawak akan dapat diadakan dan beliau juga berkehendakkan supaya T.V. Kuala Lumpur ini dapat disiarkan ke Sarawak ataupun ke Malaysia Timur. Ini satu perkara Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri mengambil berat dan satu joint committee telah pun dibentuk antara Kementerian Penerangan dengan Kementerian Perhubungan untuk mengkaji atas kemungkinan talivisyen Kuala Lumpur ini juga dapat disalurkan ke Sabah dan Sarawak. Di atas perkara ini, maka 3 kemungkinan sedang dikaji iaitu pertama sekali ialah menggunakan

troposcater daripada Johor Bahru ke Malaysia Timur. Troposcater ini tidak mungkin dapat berhasil barangkali kerana belum ada kejayaan yang diperolehi di seluruh dunia yang boleh menggunakan troposcater antara 500 atau 600 batu. Walaubagaimanapun, satu ujian sedang dibuat pada hari ini atas kemungkinan menggunakan troposcater membawa talivisyen Kuala Lumpur ke Malaysia Timur.

Program yang kedua, yang sedang dikaji oleh joint committee ialah menggunakan sub-marine cable. Sub-marine cable ini harga memasang atau capital expenditure-nya lebih kurang \$53 juta dan annual maintenance dia lebih kurang \$8.5 juta.

Soal yang berat sekali ialah kalau cable ini rosak kita kena membawa kapal itu untuk membetulkan cable ini daripada Okinawa. Jadi, soal ini juga soal yang sangat berat, tetapi masuk juga di dalam terms of reference of the Joint Committee ini untuk mengkajinya.

Satu lagi yang ditugaskan kepada joint committee antara Kementerian Penerangan dan Talikom ini ialah menggunakan satellite kerana pada waktu ini kita juga ahli kepada International Satellite Consortium yang mempunyai ahli-ahli seramai 78 orang. Ini murah kerana memasang—belanja capital expenditure-nya lebih kurang \$12,000,000 dan pada tiap-tiap tahun maintenancena lebih kurang \$7,000,000 sahaja, tetapi yang kita kaji pada hari ini, soal yang timbul, yang dikaji, ketiga-tiga perkara ini bukanlah satu perkara yang kecil. Ketiga-tiga perkara ini memerlukan wang yang banyak dan kajian yang mendalam dan kalau satu daripada tiga perkara ini dapat dijayakan, maka ada kemungkinan kita dapat membawa Talivisyen national network kita ini ke Malaysia Timur. Sebelum itu tidak dapatlah saya memberikan jawapan yang pasti bilakah Talivisyen daripada Kuala Lumpur ini dapat dibawa ke Malaysia Timur.

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah hendak bercakap ataupun memberikan secara detail kerana memadailah setakat ini dan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada mereka yang memberikan teguran-teguran yang membina dan untuk kepentingan kita bersama, kami akan mengambil perhatian di atas segala teguran-teguran itu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):
(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, although this is my 13th Budget, it has been well received generally. Indeed, I am gratified by the warm response and support for it, though I have a lurking suspicion that this is largely due to the fact that the revenue measures were mild!

I have followed with great interest the comments made by Honourable Members of this House and I am most appreciative of the many constructive suggestions that have been put forward in the course of the debate. I need hardly add that such suggestions will be carefully considered. We in the Government keep an open mind on such matters and if we feel that changes are called for, we would accept such changes even though they might not have been put forward by us originally.

In this connection, however, I would like to sound a note of warning. Although a budget covers revenue and expenditure proposals and policies for one year only, it should also reflect the Government's long term policies as well, but it is important to bear in mind that one budget cannot be expected to restructure the entire economy. Every budget must therefore be seen as part of a continuing series and I would particularly invite Honourable Members of the Opposition to bear this in mind and to appreciate that the whole question of restructuring society must be looked at in this light. For example, one Honourable Member of the Opposition charged that I painted an unduly bright outlook of the economy. This is the kind of criticism that can be expected from those who either do not understand or choose not to understand. It is true that although the economy is estimated to grow by 5.8% at current prices in 1972, this figure would be smaller if constant prices were used. In spite of this, it is a creditable performance, bearing in mind that the price level of our most important products, namely, rubber, sank to its lowest level in 25 years. Indeed, Mr Robert S. McNamara, the President of the World Bank, who visited this country last year, told me himself that he did not understand how we managed to perform in the way we did. He felt that in the field of fiscal management what we accomplished was a near miracle, for despite the calamitous decline in rubber prices, the G.N.P. last year

nevertheless rose by 4.8%. I suggest that Mr McNamara's assessment is better informed than the assessment of some Honourable Members opposite whose knowledge of finance and economics is not exactly of world standard.

The second major criticism raised during the debate centred round the implementation of the New Economic Policy, with particular reference to income distribution. Here again, I would like to remind Honourable Members that it is necessary to consider this subject in its proper perspective. Inequality, and hence inequity of income is not unique to Malaysia. Indeed, it is a universal problem, one that is of major concern to even the highly developed industrial countries. Even in the United States of America, which is not only the mightiest and richest country in the world today, it is the mightiest and richest country in the whole span of human history, the poor account for about 13% of the total population. I suggest that if even the U.S.A. cannot solve this problem after nearly 200 years of independence, it is too much to expect Malaysia to solve it in 15 years of independence. Let us keep a sense of balance at all times. The important thing is that we are doing our best to tackle this problem and we are making a sustained effort in this field. Equally important, we are making steady progress.

In regard to the Government's expenditure policy, social services which were largely confined to the haves in the urban areas of our country during the period of colonial rule, have now been extended to the rural areas. Here again, you cannot overcome a century of neglect in the space of a few years, but all fair-minded observers will agree that we have accomplished a great deal even during this short period. Capital expenditure on education alone increased by almost 7 times between 1960 and 1972. Between 1970 and 1972, expenditure on education increased by no less than 55%. As a result, it has made a significant contribution towards improving the qualifications and training of the lower income groups for employment purposes and has hence enabled them to move to higher-paid jobs. Another important area in which Government investment has been considerable is the agricultural sector. Capital expenditure on agricultural and rural development increased by 36 times from less than \$10 million in 1958 to \$361

million in 1972. I have a feeling that not many countries in the world can equal, let alone surpass a performance of this magnitude.

On the revenue side, contrary to what some Honourable Members have asserted, the share of direct taxation to total tax revenue has increased significantly since 1960. The share of direct taxes to total tax revenue was 23% in 1960, whereas in 1972 it is expected to reach 36%. In fact, the yield from direct taxation between 1960 and 1970 increased by 14% per annum while total tax revenue increased by only 8.6% per annum and the yield from indirect taxation grew by only 6.2% per annum during this period. All these calculations can be obtained from the Treasury's Economic Report though I can well appreciate that it is too much to expect Honourable Members of the Opposition to take the trouble to digest this Report properly.

One Honourable Member from the Opposition suggested that we are borrowing too much. I would like to point out that on the contrary, our external debt servicing charge is so small that the World Bank last year was seriously thinking of reducing its loans to us in the future because it felt that we could afford to be on our own, so strong was our financial position. I do not think many Honourable Members realise that I often have a very difficult time convincing international financial institutions and some rich countries that we are still a developing country. Let me quote a few figures. Our external debt service charge as a proportion of total exports is estimated at only 2.85% in 1972 and I should add that this is the criterion universally adopted and accepted. This proportion was 2.6% in 1970, compared with 3.7% for Thailand, 7.3% for the Philippines and 16.9% for Korea.

The prize, however, for frivolity and fatuity must go to those Honourable Members who suggested that we should not indulge in deficit financing, but at the same time reduce taxes, increase expenditure on social services, and generally do more for the have-nots. If we want to increase expenditure on social services, we must obviously have more money. To have more money you either increase taxes or resort to deficit financing or do a combination of both. If, on the other hand, you reduce borrowing and cut down

on taxes at the same time, the money available to the Government for promoting economic development and redistributing income would therefore clearly be far less.

I would ask such Honourable Members where they expect the money to come from in such a case. That is the kind of folly which we can now take for granted when some Honourable Members opposite speak on a subject about which they know little or nothing. I can guess how they will reply to such a charge. Their reply will be "Soak the rich". I agree that this is a very attractive slogan when addressing a mass rally. It would get a sympathetic response from a highly excited and delirious crowd numbering thousands of people. It is a harmless slogan provided it is appreciated that it is no more than a slogan designed for vote catching, but it is not the kind of slogan which is likely to attract capital investment or achieve orderly economic progress.

The Government has, however, tried to strike a balance between available sources of finance on the one hand and economic and social objectives on the other. While pursuing an aggressive and progressive policy of economic and social development, we have also tried to maintain an even economic keel by levying only moderate tax increases and financing the gap by moderate levels of deficit financing. Actual results have shown whether we have succeeded or not. It is not just good luck that the Malaysian dollar is today one of the strongest currencies in the whole world. It is not just good luck that Malaysia is today a haven for hot money from even the developed countries, so much so that money is pouring in to buy up our domestic stocks and shares and our lands, with the result that the prices of such stocks and shares have risen to unhealthy levels and land prices in certain parts of the country are rocketing. If we had mismanaged the economy, as suggested by some Honourable Members opposite, there would have been a vast outflow of funds, rather than the opposite, i.e. what is happening now. I suggest that investors overseas know what they are doing when they buy land and shares in Malaysia. They certainly are more knowledgeable than some Honourable Members opposite, and as the former are risking their money, it is not difficult to decide whether they or Honourable Members opposite know better.

Another Honourable Member from the Opposition accused me of misleading the House when I said that "the rise in food costs was primarily due to the rise in world prices of sugar and dairy products". The facts happen to be on my side. The average sugar price in the world market showed a 24% rise from \$270 per ton in 1971 to about \$335 per ton in 1972. Such a large increase cannot help but affect the general price levels of domestic foodstuffs. As a matter of fact, the consumer price index for food indicates that prices of certain items like vegetables, fish, pork, poultry and cooking oil had actually declined markedly in the second quarter of this year, compared to the first quarter, but this decline in prices was offset by price increases for sugar and dairy products, resulting in an almost stable overall price index for food for the first half of this year.

Let us remember that rising price levels are a worldwide phenomenon from which we cannot be completely isolated. If anything, we have done better than even the highly developed industrial countries. Even in 1972, when we are likely to have a 2½% rise in consumer prices, and this is easily the highest price index increase ever since these statistical indices were compiled, we are still far better off than the key industrial countries, which are experiencing an inflation rate of anything from 3% to 9% per annum in 1972. What is therefore surprising is not that consumer prices here have risen by about 2½% this year, what is surprising is that they are not much higher, considering the grave handicaps under which, as an open economy, we operate.

The Honourable Member for Batu in particular seems to have excelled himself in distorting undisputed facts, for to say, as he has said, that our balance of payments this year is expected to show a deficit of \$600 million is to fly in the face of facts which are obvious and indisputable. The whole world knows that our external reserve position is strong and I stated in my Budget speech that the estimated overall surplus this year is likely to be of the order of about \$90 million, and yet he insists on regarding a surplus of \$90 million as a deficit of \$600 million.

On the subject of sterling, here again the Honourable Member for Batu stated that I misled the House when I said that we did not

lose anything as a result of the float of the pound sterling on 23rd June last. I never said anything of that sort. All I said was that we fared better than any other Sterling Area country which had concluded a sterling guarantee agreement with Britain in the sense that we withdrew from it earlier than the others. Indeed, if I am not mistaken, we are the only country to have withdrawn so far, thereby cutting our losses, with the result that it is likely that we lost far less than any other Sterling Area country which had concluded a similar agreement with Britain.

In commenting on public investment, the Honourable Member for Batu attempted to score a debating point but, as usual, got his calculations mixed up in the process. He compared the public investment figures for 1971 and 1972, and for 1972 he deducted the expenditure on ships and aircraft and the imported inflation element, but failed to do so, whether deliberately or otherwise, for 1971. If he had adopted a fair method of comparison, he would have found that the comparable figure for fixed public investment in 1971 was \$797 million and *not* \$856 million, as claimed by him.

Furthermore, the 1971 figure is an exceptionally high one, compared with past years. A fairer perspective would be obtained by looking at the trend of the past few years. Let us look at the figures since 1969. On a comparable basis, fixed public investment in 1969 was \$620 million while that in 1970 was \$676.4 million, an increase of 9%. The 1972 figure of \$892 million, quoted by the Honourable Member, is, in fact, 12% higher than the comparable figure of \$797 million for 1971.

In regard to unemployment, I acknowledged, when I gave E.P.F. figures of new contributors in a previous speech, that these figures could not possibly indicate the exact figures of new jobs created, for the reasons given by me even then. I only suggested that this was a fair indication of likely trends and nothing which has occurred since then has proved me wrong. If I may, I would like to quote what I said then. It was in a speech made on 24th June, 1972 at the annual dinner of the Institution of Surveyors in Kuala Lumpur. I stated as follows: "In 1970, the number of additional contributors to the Employees Provident Fund (E.P.F.) totalled about 102,000. In 1971 it reached a figure of nearly 112,000. While these figures do not

exactly correspond to the number of new jobs created, they do indicate that the new jobs created are approximately of this order as it is clear that the bulk of the new contributors became contributors as a result of the new jobs available. Considering that the target of the Second Malaysia Plan is the creation of 119,000 new jobs annually, these figures indicate that we are well within sight of our target. Considering also that the reduction of unemployment is one of the most important objectives of the Second Malaysia Plan, our performance to-date shows that we are likely to achieve this key objective." It will therefore be seen that I did not say what the Honourable Member in question ascribed to me. I should also add that long before this, the Treasury had requested the E.P.F. to initiate the necessary action so that the latter's figures could be more readily analysed for economic purposes in future.

The Leader of the Opposition raised the point about the tax treatment to be accorded to *zakat* and *firah*. I gave a full reply to this oral question asked in this House on 9th August last, and I have nothing to add to it. In regard to the proposal for an Islamic Bank, I should like to explain that the Islamic Bank, as conceived by Professor Dr Ahmad El-Naggar of the Islamic Secretariat who came here recently, is based on concepts that are different from the usual concepts of commercial banking. For example, no interest will be paid to depositors, but the bank will directly participate in projects, the profits of which will be shared with those involved, including depositors. On the other hand, should the bank incur any loss, the depositors will also bear this share of the loss. I understand that Professor Dr El-Naggar has suggested the possibility of establishing a pilot scheme in this country and any application to the Government will, of course, be given the consideration which it deserves.

The Honourable Member for Hilir Perak said that costs of houses and land for Government officers are still very high. As the Honourable Member is aware, the Government has set up a Housing Development Company to assist Government officers to own their own houses. The Company has always been selling land at well below market prices, though even this may be too much, for I agree that Government officers should not have to pay a price which they can ill-afford. I have therefore instituted measures

which will enable us to sell much more cheaply and yet not have to subsidise the cost of land. This is a bold scheme which would cost a lot of money, but I feel that it will pay handsome dividends in the long run. At the moment, however, it is not in the public interest for me to reveal the measures which we have in mind.

One Honourable Member from the Opposition alleged that there had been a Budget leakage on two items. He pinpointed the reduction of excise duty on beer and stout as one of them. There was no leakage at all for the simple reason that the Treasury officials concerned informed the industry 3 months ago that their representations would be sympathetically considered. The only thing left open was the quantum of reduction and the timing. Thus the industry could fairly come to the conclusion that a tax reduction was in the offing. In view, however, of the proposal to increase the sales tax on certain luxury items including beer and stout, it was felt that a reduction of the excise duty should be made at about the same time as the increase in sales tax, so that the manufacturers concerned would not have to adjust their prices twice within a short period, for this would not be fair to either manufacturer or consumer. Consequently, this reduction was not made part of the Budget proposals. In fact, it had nothing to do with the Budget measures, although the timing was about the same, but, as I have already pointed out, the manufacturers knew of this proposed reduction beforehand. There was therefore no leakage at all. Secondly, and this is equally important, damage is caused when a leakage occurs in the event of an increase in taxation, not a decrease in taxation.

In regard to the alleged leak on cigars and cigarettes, let us remember that just before any Budget Day there is any amount of speculation. When you get 10 guesses and one guess is right, but 9 are wrong, it is not right to say that there has been a leakage of Budget secrets. Indeed, we have been very lucky in this respect. Although I have so far presented 13 Budgets, I think it is fair to say that the guesses have often been overwhelmingly wrong, but you cannot help it if once in a way the odd guess proves to be right, especially when the item in question is a luxury item and hence an obvious target for any Minister of Finance looking for money.

As far as I can judge, the only tax measure which has generated some heat is the increase in the import duty on fruits. I must say that I was rather surprised at the vehemence of some of the criticisms. I can only conclude that some of our people, as a result of being so long under colonial rule, have developed the complex that anything which comes from the West is superior to anything grown or produced here. Even when our scientists assure us that home-grown fruits are equal to, if not better than, imported fruits, they still refuse to believe it, presumably because the scientists making these statements are Malaysians and not Europeans. Of all the silly arguments I have heard against this measure, the silliest one is that our fruits are not good enough for young children. I wonder how the young of our urban and rural poor manage to survive on home-grown fruits, because they cannot afford the high cost of imported fruits.

Another criticism levelled against this measure is that Malaysian fruits are not available all the year round. I am aware that certain fruits are available only at certain times of the year, but I know from personal experience that enough Malaysian fruit is available all the time, for the simple reason that in my own house we have not bought any imported fruit, literally for years. The only imported fruit in our house is that given by friends. Honourable Members may be interested to know that even when I go overseas I ask for bananas because I prefer the taste of bananas to that of most Western fruits. (*Ketawa*). The Government is, however, determined to expand domestic fruit cultivation at all costs, and if this measure is not enough, we will consider other measures in the course of time.

Tuan Yang di Pertua, yesterday evening, I was working late in my office. Just before I left, one of my top officials came in to inform me that he and his colleagues were rather worried that there was too much money in the country. This could well be the most significant pointer for 1973. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 dibacakan kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah diluluskan pada 4hb Disember, 1972, Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatankuasa sebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973

yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.